

BAB KEEMPAT

KONSEP TAUHID DAN PEMBATALANNYA.

4.1 Pengenalan

Dalam bab ini, penulis akan membuat penelitian tentang tauhid, pembahagian tauhid dan perkara-perkara yang membatkalkannya. Penulis membataskan kajian hanya kepada aspek-aspek tersebut kerana ia merupakan asas utama dalam perbahasan tentang masalah ketuhanan sebagaimana yang telah dibincangkan oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah.

4.2 Pengertian Tauhid

4.2.1 Pengertian Tauhid Dari Segi Bahasa

Perkataan ‘*Tauhid*’ adalah kalimah ‘*masdar*’¹ yang berasal dari *wazan taf’il*² iaitu :

- i. *Wahhada* maksudnya menyatukan.
- ii. *Yuwahhidu* maksudnya kekal satunya.
- iii. *Tauhidaan* maksudnya mengesakan atau mengatakan satu.³

¹ Syeikh Sulaiman b. Abdullah b. Muhammad b. Abd. Wahab, *Taisir al-Aziz al-Hamid fi Syarh Kitab al-Tauhid*, Beirut: al-Maktab al-Islami, cet. 5, 1402 H, hal. 32.

² Ramlie Awang, *Ruh Tauhid Dalam Gerakan Islam*, Petaling Jaya: al-Rahmaniah, cet. 1, Jun 1989, hal. 17.

³ Muhammad Idris Abd. Rauf al-Marbawi, *Qamus al-Marbawi*, Qaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi wa Auladahu, cet. 4, t.t., Juz. 2, hal. 382-383.

Manakala al-Raghib al-*Isfahani* di dalam *al-Mufradat* pula menyatakan kalimah ‘tauhid’ berasal dari kalimah ‘*wahhada*’ yang bermaksud sesuatu yang tidak berbilang-bilang dan jika digabungkan dengan lain-lain huruf boleh menjadikannya jumlah yang besar seperti satu ratus, satu ribu, sepuluh dan seumpamanya. Oleh itu sekiranya kalimah ini disandarkan kepada Allah ianya bermaksud Allah itu adalah Tuhan Yang Esa dan tidak berbilang-bilang.⁴

Di dalam *al-Mu'jam al-Wajiz*, kalimah ‘*wahhada*’ bererti seseorang yang mengakui bahawa sesuatu itu satu. Kalimah ‘*ittahada*’ pula bererti menjadikan sesuatu itu satu. Manakala kalimah ‘*tawahhada*’ bererti mengesakan dengannya. Dari kalimah-kalimah inilah lahirnya ‘*al-tauhid*’ yang bermaksud beriman dengan Allah Yang Esa dan tidak ada sekutu denganNya.⁵

Kesimpulannya, dari segi bahasa tauhid membawa maksud mengatakan sesuatu perkara itu satu dan tidak berbilang-bilang.

⁴ Abu al-Qasim al-Husain b. Muhammad al-Raghib al-*Isfahani*, *al-Mufradat fi Gharib al-Qur'an*, Tahqiq: Muhammad Sayyid Kailani, Beirut: Dar al-Ma'rifah, t.t., hal. 514-515.

⁵ Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah, *al-Mu'jam al-Wajiz*, Syarikah al-Ilanat al-Syarqiyah, cet. 1, 1980, hal. 662.

4.2.2 Pengertian Tauhid Menurut Para 'Ulama'

Dalam membahaskan pengertian tauhid, para 'ulama' telah menghuraikannya dari pelbagai persepektif, namun maksudnya sama sahaja iaitu mengatakan Allah itu Esa. Antaranya ialah Syeikh Muhammad 'Abduh di dalam bukunya '*Risalah al-Tauhid*' mendefinisikan tauhid sebagai mengatakan Allah itu satu dan tidak ada sekutu bagiNya.⁶

Syeikh Muhammad b. 'Abdul Wahab pula mengatakan tauhid ialah mengesakan Allah pada kekuasaanNya, perbuatanNya, dhatNya, sifatNya serta menafikan sebarang tandingan dalam penyembahan dan peribadatan kepadaNya.⁷

Musa Muhammad 'Ali pula berkata tauhid ialah menyucikan Allah dari sebarang benda baharu serta tidak menyamakanNya dengan sesuatu yang lain.⁸

Syeikh 'Abdul Rahman mendefinisikan tauhid sebagai mengesakan Allah dalam semua jenis peribadatan samada ibadah zahir atau pun batin seperti berdo'a dan sebagainya.⁹

⁶ Syeikh Muhammad Abduh, *Risalah al-Tauhid*, Kaherah: Dar al-Tabaqah al-Muhammadiyah, cet. 18, 1965, hal. 5.

⁷ Syeikh Sulaiman b. Abdullah b. Muhammad b. Abdul Wahab, *Taisir al-'Aziz al-Hamid fi Syarh Kitab al-Tauhid*, Beirut: al-Maktab al-Islami, cet. 5, 1402 H, hal. 32-33.

⁸ Musa Muhammad 'Ali, *al-Tauhid Miftah Da'wah al-Rusul*, Beirut: 'A'lam al-Kutub, hal. 57.

⁹ Beliau menamakan maksud tauhid sebagai 'Tauhid al-'Ibadah'. Syeikh Abd. Rahman b. Hassan 'All al-Syeikh, *Fath al-Majid Syarh Kitab al-Tauhid*, Dar al-Yakin, hal. 31.

T.M. Hasby As-Siddieqy pula membahagikan keesaan Allah kepada tujuh bahagian iaitu¹⁰:

- i. Keesaan pada dhatNya iaitu mengitiqadkan bahawa dhatNya adalah satu, tidak berbilang dan tidak tersusun dari beberapa benda yang berlainan. DhatNya bukan atom atau benda, bukan pula terjadi dari beberapa anasir atau dari beberapa pokok yang bukan benda.
- ii. Keesaan pada sifatNya iaitu mengitiqadkan bahawa tidak ada sesuatu pun yang menyamai Allah pada sifatNya dan bahawa Allah itu sendiri mempunyai sifat keutamaan dan kesempurnaan.
- iii. Keesaan pada wujudNya iaitu mengitiqadkan bahawa Allah sendiri yang wajib wujudNya. Manakala selain daripadaNya adalah sesuatu yang mungkin tentang kewujudanNya.)
- iv. Keesaan pada *af'āl*Nya(pekerjaanNya) dalam menjadikan segala yang mungkin iaitu mengitiqadkan bahawa Allah sendiri yang menjadikan alam, menghidup dan mematikan serta memberi rezeki. Allah s.w.t juga yang boleh menjadikan seseorang itu senang atau susah serta mewujudkan pekerjaan kepada makhlukNya.

¹⁰ Muhd. Hasbi As-Siddieqy, *Al-Islam: Penuntun Bathin Dan Pembimbing Masyarakat*, Jakarta:Penerbit Bulan Bintang, cet. 2, 1956, hal. 105.

- v. Keesaan pada menerima ibadat iaitu mengiktikadkan bahawa Allah sendiri yang berhak menerima ibadat hamba. Allah s.w.t juga yang selayaknya disembah dan tidak selain daripadaNya yang layak disembah dan diibadati oleh makhluk samada melalui do'a atau cara-cara yang lain.
- vi. Keesaan sewaktu menyelesaikan hajat iaitu menuju secara langsung kepada Allah dalam mengemukakan sesuatu hajat tanpa melalui sebarang perantaraan antara makhluk dengan Allah.
- vii. Keesaan dalam membuat undang-undang iaitu mengiktikadkan bahawa Allah sendirilah yang memutuskan segala undang-undang samada menghalalkan atau mengharamkan segala sesuatu. Tidak ada yang lain dapat bertindak sedemikian melainkan Allah s.w.t sahaja. Seandainya manusia berselisih faham dalam sesuatu hukum maka hendaklah dikembalikan penyelesaiannya kepada ketetapan Allah dan tidak boleh sama sekali kita mencari penyelesaian yang lain, selain daripada ketetapan Allah.

4.2.3 Pengertian Tauhid Menurut Ibn Qayyim al-Jawziyyah

Ibn Qayyim menyatakan bahawa maksud tauhid adalah terangkum di dalam kalimah "*La Ilaha Illa Allah*". Ianya membawa maksud mengesakan Allah semata-mata dan tidak kepada tuhan-tuhan yang lain. Ia juga bermakna keagungan hanya ditujukan kepada Allah s.w.t. Begitu juga dengan pergantungan harapan dan merasa takut hanyalah kepada azab Allah sahaja. Tidak ada kecintaan kepada yang lain kecuali kepada Allah semata-mata malah semua benda lain yang dicintai adalah dianggap

perantara untuk menambahkan rasa cinta kepada Allah s.w.t. Tidak bertawakkal kepada selain daripadaNya. Tidak bersumpah kecuali dengan namaNya. Tidak mengharapkan pahala kecuali kepadaNya. Tidak ada tempat untuk memohon pertolongan sewaktu dalam kesusahan kecuali kepadaNya. Tidak berlindung kecuali kepadaNya. Tidak sujud kecuali kepadaNya. Tidak menyembelih kecuali dengan namaNya.¹¹

Akhirnya Ibn Qayyim menyimpulkan bahawa kalimah tauhid ini bermaksud menyucikan Allah s.w.t daripada segala yang bahanu serta beribadah hanyalah kepada Allah s.w.t tidak kepada tuhan-tuhan yang lain.¹²

4.3 Bahagian-bahagian Tauhid

Ibn Qayyim al-Jawziyyah membahagikan tauhid kepada dua jenis iaitu¹³ :

1. Tauhid *al-'Ilm*.
2. Tauhid *al-Qaṣdi al-Irādī*.

¹¹ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *al-Jawab al-Kāfi Liman Sa'ala 'an al-Dawa' al-Syāfi*, Tahqiq: Muhammad Jamil Ghazi, Kaherah: Matba'ah al-Madani, cet. 2, 1989, hal. 240.

¹² Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Madārij al-Ṣalikin baina Mañāzil Iyyaka Na'budi wa Iyyaka Nasta'in*, Tahqiq: Lujnah min al-'ulama' bi Isyraf al-Nasyir, Kaherah: Dār al-Hadith, Juz. 3, hal. 461-463.

¹³ *Ibid.*, Juz. 1, hal. 33. Lihat juga Syeikh Muhammad Uwais al-Nadwi, *al-Tafsir al-Qayyim lil Imam Ibn al-Qayyim*, Tahqiq: Muhammad Hamid al-Faqi, Makkah al-Mukarramah: Matba'ah al-Sunnah al-Muhammadiyah, 1949, hal. 24.

Menurut Ibn Qayyim al-Jawziyyah, kedua-dua tauhid ini adalah menjadi isi pengajaran utama para rasul-rasul yang diutuskan oleh Allah kepada makhluk di muka bumi ini.¹⁴

4.3.1. Tauhid *al-'Ilm*¹⁵

Tauhid ini bermaksud mengakui segala sifat-sifat kesempurnaan adalah untuk Allah s.w.t sahaja disamping menafikan segala bentuk penyamaan dengan sifat-sifat Allah. Turut dinafikan ialah sebarang penyandaran sifat-sifat kelemahan dan kekurangan kepada Allah s.w.t. Tauhid jenis ini juga membicarakan tentang persoalan keilmuan dan i'tiqad. Oleh itu ianya turut dinamakan sebagai tauhid *al-'Ilm wa al-I'tiqād*.¹⁶ Ibn Taimiyyah menamakan tauhid ini sebagai tauhid *al-Qaulī al-I'tiqādī*¹⁷. Ibn Qayyim turut menjelaskan bahawa bahagian tauhid ini dinamakan *al-Qaulī al-I'tiqādī* kerana ia turut membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan lintasan hati serta perkataan dan membawa kepada mengakui serta beriman dengan Allah s.w.t.¹⁸.

¹⁴ Syeikh Abd. Rahman b. Hassan All al-Syeikh, *Fath al-Majid Syarh Kitab Tauhid*, Makkah al-Mukkaramah: al-Maktabah al-Tijariyyah, t.t., hal. 14.

¹⁵ Tauhid ini juga disebut dengan nama 'Tauhid *al-'Ilm al-Khabari*' kerana perbincangannya berkaitan dengan keimanan yang masih di peringkat keilmuan dan pengetahuan. Lihat Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Madārij al-Sālikin baina Manāzil Iyyaka Na'bdu wa Iyyaka Nasta'in*, Tahqiq: Lujnah min al-'ulama' bi Isyraf al-Nasyir, Kaherah: Dar al-Hadith, Juz. 3, hal. 468. Lihat juga Ahmad b. Ibrahim b. 'Isa, *Tauhid al-Maqasid wa Tasyih al-Qawa'id fi Syarh Qasidah al-Imam Ibn Qayyim*, Beirut: al-Maktab al-Islami, Juz. 2, hal. 450.

¹⁶ *Ibid.* Lihat juga Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Ibid.*

¹⁷ Abd. Aziz Muhammad Salman, *al-As'ilah wa al-Ajwibah al-Uṣūliyyah 'ala al-'Aqidah al-Wasiṭiyyah*, Riyadh: Maktabah al-Riyadh al-Hadithah, cet. 7, 1975, hal. 29.

¹⁸ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Syarh al-Qasidah al-Nuniyah*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, cet. 2, 1986, Juz. 2, hal. 55.

Ibn Qayyim juga menyatakan bahawa tauhid *al-'Ilm* ini turut merangkumi tauhid *Rububiyyah*' dan tauhid *al-Asmā' wa al-Sifat*.¹⁹ Oleh itu penulis akan membincangkan secara khusus tentang kedua-dua tauhid tersebut.

4.3.1.1 Tauhid *Rububiyyah*

Dari segi bahasa, '*Rububiyyah*' adalah berasal dari kalimah '*Rabb*' yang bermaksud kekuasaan, kelengkapan, tanggung jawab, kebaikan dan kesempurnaan.²⁰

Pengarang kitab '*al-Mu'jam al-Wasīt*' pula menyebutkan bahawa kalimah '*al-Rabb*' adalah kalimah *mufrad* yang merupakan satu daripada nama Allah. Kalimah jama'nya ialah '*Rubūb*'.²¹

Pengarang *Taj al-Urusy*, Muhammad Murtada al-Zabidi menyatakan *al-Rububiyyah* berasal dari perkataan *Rabb*. Menurutnya, *al-Rabb* dengan sebutan *ma'rifah* ialah Allah s.w.t. Dia adalah tuan kepada tiap sesuatu dan kepunyaan Dialah seluruh alam ini. Allah s.w.t sahaja yang memiliki *al-Rububiyyah* iaitu sifat ketuanan ke atas seluruh makhluk tanpa persekutuan dan perkongsian. Dialah tuan kepada segala

¹⁹ *Ibid.* , hal. 24-25. Lihat juga *Ibid.* , hal. 24-25.

²⁰ Abul A'la al-Maududi, *Empat Istilah Dalam al-Qur'an*, Terj: Abdullah Said, Singapura: Himpunan Belia Islam Singapura, 1980, hal. 28.

²¹ Ibrahim Mustafa Hamid Abd. Qadir Ahmad Husain al-Ziyad Muhammad 'Ali al-Najjar, *al-Mu'jam al-Wasīt*, Istanbul: Cagri Yayınlari, t.t., Juz. 1, hal. 321.

ketuanan dan maharaja kepada raja.²² Penjelasan yang diberikan di dalam *Lisan al-'Arab* adalah sama seperti yang terdapat dalam *Taj al-'Urusy*.²³

Ahmad b. Muhammad b. 'Ali al-Muqri, pengarang *Misbah al-Munir* turut mengatakan bahawa *al-Rabb* dengan sebutan ma'rifat hanya merujuk kepada Allah s.w.t sahaja. Dia pemilik segala sesuatu dan menjadi tuan kepada segala yang berakal dan yang tidak berakal. Menurut beliau kalimah 'Rabb' dengan *nakirah* adalah merujuk kepada mana-mana penguasa yang tidak berakal seperti penguasa agama, penguasa harta dan sebagainya.²⁴

Berdasarkan keterangan di atas, jelas bahawa *al-Rububiyyah* adalah satu konsep ketuanan yang mutlak. Ia hanya dimiliki Allah s.w.t, Tuhan seluruh alam.

²² Muhammad Murtada al-Zabidi, *Taj al-'Urusy*, Beirut: Dar al-Maktabah al-Hayah, 1306 H, vol. 1, hal. 260.

²³ Jamaluddin b. Muhammad b. Mukram Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab*, Beirut: Dar al-Sadir, t.t., vol. IV, hal. 399.

²⁴ Ahmad b. Muhammad b. 'Ali al-Muqri al-Fayyumi, *al-Misbah al-Munir*, Tahqiq: Abd. 'Azim al-Sanawi, al-Qahirah: Dar al-Ma'arif, t.t., Juz. 1, hal. 214.

Menurut Ibn Qayyim, nama *al-Rabb* bererti terhimpun kepada Allah s.w.t seluruh makhluk ini. Dia adalah tuan dan pencipta tiap sesuatu, berkuasa ke atas seluruhnya dan tiada suatu pun yang berada di luar *Rububiyyah*Nya. Seluruh penghuni langit dan bumi menjadi hambaNya dan berada dalam genggaman serta penguasaanNya.

Beliau mendefinisikan tauhid *Rububiyyah* sebagai mengakui bahawa Allah sebagai tuhan yang telah menciptakan dan mentadbirkan alam semesta ini.²⁵ Menurut Ibn Qayyim lagi, tauhid *Rububiyyah* juga diyakini oleh orang yang menyembah berhala kerana mereka percaya bahawa Allah s.w.t yang menciptakan alam semesta ini. Dengan ini tauhid *Rububiyyah* turut diakui oleh kaum musyrikin berdasarkan firman Allah, antaranya :

وَلَمْ يَنْ سَأَلْتَهُمْ مَنْ خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ لَيَقُولُنَّ
اللَّهُ

"Terjemahan : Dan sesungguhnya jika engkau (wahai Muhammad) bertanya kepada mereka (yang musyrik) itu: "Siapakah yang menciptakan langit dan bumi?" Sudah tentu mereka akan menjawab: "Allah"."²⁶

²⁵ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Tariq al-Hijratain wa Bab al-Sa'adatayn*, Tahqiq: Abdullah b. Ibrahim al-Ansari, Qatar: Idarah al-Syu'un al-Diniyyah bi Daulah Qatar, 1977, hal. 51.

²⁶ al-Qur'an, *Surah Luqmān*, 31:25.

Dengan ini dapat disimpulkan bahawa antara sifat-sifat *Rububiyyah* menurut Ibn Qayyim ialah Allah yang mencipta, membuat dan mentadbir seluruh alam semesta ini.

Syeikh Muhammad b. Abdul Wahab juga telah memberikan pengertian yang sama dengan Ibn Qayyim. Menurutnya, tauhid *Rububiyyah* ialah mengakui bahawa Allah adalah satu-satunya tuhan yang menjadikan dan mentadbir alam semesta ini. Oleh itu, orang yang mengakui Allah sebagai pencipta dan pentadbir alam semesta masih dikira tidak beragama Islam kerana mereka tidak menjadikan Allah sebagai penyembahan dan tuhan mereka secara keseluruhannya. Contohnya golongan musyrikin di zaman Rasulullah s.a.w, dimana mereka mengakui Allah sebagai pentadbir dan penjaga alam ini tetapi mereka masih menentang Rasulullah dan tidak memeluk agama Islam.²⁷ Dalil yang dikemukakannya ialah firman Allah berikut:

قُلْ مَن يَرْزُقُكُمْ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ أَمْنِ يَمْلِكُ
السَّمْعَ وَالآبْصَرَ وَمَن يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ
وَيُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيَّ وَمَن يُدَبِّرُ الْأَمْرَ
فَسَيَقُولُونَ اللَّهُ فَقُلْ أَفَلَا تَتَّقُونَ ﴿٤﴾

"Terjemahan: Bertanyalah kepada mereka (yang musyrik itu): "Siapakah yang memberi rezeki kepada kamu dari

²⁷ Soleh b. Abdullah b. Abd. Rahman al-'Abud, *Aqidah Muhammad b. Abdul Wahab al-Salafiah wa Atharuha fi al-Alam al-Islami*, Medinah: al-Jami'ah al-Islamiyyah, cet. 1, 1408 H, hal. 234. Lihat juga Muhammad b. Abd. Wahab, *Majmu'ah al-Fatāwa wa al-Rasail wa al-Ajwibah*, Taqdim: Abdullah al-Sayyid Ahmad Hajjaj, Beirut: Dar al-Jail, cet. 2, 1987, hal. 56.

langit dan bumi? Atau siapakah yang menguasai pendengaran dan penglihatan? Dan siapakah yang mengeluarkan makhluk yang hidup dari benda yang mati, dan mengeluarkan benda yang mati dari makhluk yang hidup? Dan siapakah pula yang mentadbirkan urusan sekalian alam?" (Dengan pertanyaan-pertanyaan itu) maka mereka (yang musyrik) tetap akan menjawab (mengakui) dengan berkata: "Allah jualah yang menguasai segalagalanya!" Oleh itu, katakanlah: "(Jika kamu mengakui yang demikian), maka mengapa kamu tidak mahu bertakwa?"²⁸

Muhammad Na'im Yassin juga bersepakat mengatakan bahawa tauhid *Rububiyyah* ialah pengakuan bahawa Allah sahajalah tuhan yang mencipta, memiliki, menghidup, memati, memberi manfaat dan mudharat, memperkenankan do'a, mengurniakan dan boleh menahankan segala sesuatu dari diberikan kepada makhluk. Dengan ini, segala urusan makhluk adalah di bawah pentadbiran dan titah perintah Allah s.w.t.²⁹ Dalilnya ialah firman Allah:

اَلَا لَهُ الْخَلْقُ وَالْأَمْرُ
تَبَارَكَ اللَّهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ ◎

"Terjemahan: Ingatlah, kepada Allah jualah tertentu urusan menciptakan (sekalian makhluk) dan urusan pemerintahan. Maha Suci Allah yang mencipta dan mentadbirkan sekalian alam."³⁰

²⁸ al-Qur'an, *Surah Yunus*, 10:31.

²⁹ Muhammad Na'im Yassin, *al-Iman Arkāmuhi Haqiqatuhu Nawaqiduhu*, Kuwait: Maktabah al-Falah, cet. 5, 1987, hal. 11.

³⁰ al-Qur'an, *Surah al-A'raaf*, 7:54.

Bagi Ibn Taimiyyah pula, tauhid ini adalah merupakan keyakinan yang mantap bagi seseorang hamba bahawa Allah merupakan Tuhan yang Esa dalam menciptakan segala sesuatu, memberikan rezeki dan juga mentadbirkan alam semesta ini. Dialah yang memberikan kepada makhluk segala nikmat dan mengutuskan kepada mereka para *anbiyaa'* untuk menunjukkan jalan yang benar.³¹

Kesimpulannya, kesemua definisi yang diberikan oleh ramai 'ulama' tentang tauhid *Rububiyyah* mempunyai pengertian yang sama dengan apa yang telah dijelaskan oleh Ibn Qayyim. Ibn Qayyim dan semua para 'ulama' yang lain sepakat bahawa tauhid *Rububiyyah* masih lagi merupakan tahap keimanan yang pertama iaitu pengakuan adanya pencipta alam semesta ini. Pengakuan scumpama ini ditegaskan oleh semua pengikut agama di dunia ini. Oleh itu bagi orang Islam keimanan mereka masih lagi belum sempurna jika mereka sekadar beriman ditahap tauhid *Rububiyyah* sahaja.

Untuk memperkuuhkan pendapatnya tentang tauhid *Rububiyyah*, Ibn Qayyim telah mengemukakan beberapa dalil yang membicarakan tentang kandungan tauhid ini. Antaranya adalah firman-firman Allah berikut³²:

³¹ Abd. Aziz Muhammad Salman, *al-As'ilah wa al-Ajwibah al-Uṣūliyyah 'ala al-'Aqidah al-Wasīthiyyah*, Riyad: Maktabah al-Riyadh al-Hadithah, cet. 7, 1975, hal. 27.

³² Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Maṭārij al-Ṣalikin baina Mañazil Iyyaka Na'bdu wa Iyyaka Nasta'in*, Kaherah: Dar al-Hadith, Juz. 1, hal. 444 - 445.

i. Firman Allah s.w.t :

قُلْ لَمَنْ أَلْرُضُ وَمَنْ فِيهَا إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ⑥
سَيَقُولُونَ لِلَّهِ قُلْ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ⑦
قُلْ مَنْ رَبُّ السَّمَاوَاتِ السَّبْعِ وَرَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ ⑧
سَيَقُولُونَ لِلَّهِ قُلْ أَفَلَا تَتَقَوَّنَ ⑨
قُلْ مَنْ بِيَدِهِ مَلَكُوتُ كُلِّ شَيْءٍ وَهُوَ يُجِيرُ
وَلَا يُجَارُ عَلَيْهِ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ⑩
سَيَقُولُونَ لِلَّهِ قُلْ فَإِنَّى تُسْحَرُونَ ⑪
بَلْ أَتَيْنَاهُمْ بِالْحَقِّ وَإِنَّهُمْ لَكَذِبُونَ ⑫

Terjemahan: Tanyakanlah (wahai Muhammad): "Kepunyaan siapakah bumi ini dan segala yang ada padanya, kalau kamu mengetahui?" Mereka akan menjawab: "Kepunyaan Allah". Katakanlah: "Mengapa kamu tidak mahu ingat (dan insaf)?" Tanyakanlah lagi: "Siapakah Tuhan yang memiliki dan mentadbirkan langit yang tujuh, dan Tuhan yang mempunyai Arasy yang besar?" Mereka akan menjawab: "(Semuanya) kepunyaan Allah". Katakanlah: "Mengapa kamu tidak mahu bertakwa?" Tanyakanlah lagi: "Siapakah yang memegang kuasa pemerintahan tiap-tiap sesuatu, serta ia dapat melindungi (segala-galanya) dan tidak ada sesuatu pun yang dapat diperlindungi daripada kekuasaannya? (Jawablah) jika kamu mengetahui!" Mereka akan menjawab: "(Segala-galanya) dikuasai Allah". Katakanlah: "Jika demikian, bagaimana kamu tertarik hati kepada perkara yang tidak benar?" (Bukanlah sebagaimana tuduhan mereka) bahkan Kami telah membawa kepada mereka keterangan yang benar, dan sesungguhnya mereka adalah berdusta.³³

³³ al-Qur'an, Surah al-Mu'minūn, 23:84-90.

ii. Firman Allah s.w.t :

أَمْنُ خَلْقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَأَنْزَلَ لَكُم مِّنَ السَّمَاءِ
مَاءً فَأَنْبَتْنَا بِهِ حَدَائِقَ ذَاتَ بَهْجَةٍ مَا كَانَ لَكُمْ
أَنْ تُنْبِتُوا شَجَرَهَا إِلَهٌ مَعَ اللَّهِ بَلْ هُمْ قَوْمٌ

يَعْدُلُونَ ◎

أَمْنَ جَعَلَ الْأَرْضَ قَرَارًا وَجَعَلَ خَلْلَهَا أَنْهَارًا وَجَعَلَ لَهَا
رَوْسَى وَجَعَلَ بَيْنَ الْبَحْرَيْنِ حَاجِزًا إِلَهٌ مَعَ اللَّهِ بَلْ
أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ◎

“Terjemahan: Bahkan siapakah yang telah mencipta langit dan bumi, dan menurunkan hujan dari langit untuk kamu? Lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu tanaman kebun-kebun (yang menghijau subur) dengan indahnya, yang kamu tidak dapat dan tidak berkuasa menumbuhkan pohon-pohnnya. Adakah sebarang tuhan yang lain bersama-sama Allah ? (Tidak!) bahkan mereka (yang musyrik itu) adalah kaum yang menyeleweng dari kebenaran (tauhid). Atau siapakah yang telah menjadikan bumi tempat penetapan; dan telah menjadikan sungai-sungai di antara bahagian-bahagiannya; dan telah menjadikan untuknya gunung-ganang yang menetapnya; dan juga telah menjadikan di antara dua laut (yang masin dan yang tawar) sekatan (semula jadi) yang memisahnya? Adakah sebarang tuhan yang lain bersama-sama Allah? (Tidak!) bahkan kebanyakannya mereka (yang musyrik itu) tidak mengetahui.”³⁴

³⁴ al-Qur'an, Surah an-Naml, 27:60-61.

iii. Firman Allah s.w.t :

وَلَيْسَ سَائِلَتَهُمْ مَنْ خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَسَخَّرَ
الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ لِيَقُولُنَّ اللَّهُ فَإِنِّي بُوفَكُونَ ◎

"Terjemahan: Dan sesungguhnya jika engkau (wahai Muhammad) bertanya kepada mereka (yang musyrik) itu: "Siakah yang menciptakan langit dan bumi, dan yang memudahkan matahari dan bulan (untuk faedah makhluk-makhluk-Nya)?". Sudah tentu mereka akan menjawab: "Allah". Maka bagaimana mereka tergamacak dipalingkan (oleh hawa nafsunya daripada mengakui keesaan Allah dan mematuhi perintah-Nya)?"³⁵

Menurut Ibn Qayyim, tauhid *Rububiyyah* adalah merupakan asas pertama keimanan seseorang manusia iaitu mengakui adanya pencipta dan pentadbir alam semesta ini iaitu Allah s.w.t. Kemudian seseorang manusia itu mesti melangkah ke peringkat yang lebih tinggi iaitu menyembah dan tunduk kepada segala titah perintah Allah s.w.t yang disebut sebagai beriman dengan tauhid *Uluhiyyah*. Di peringkat ini, mereka tidak lagi mensyirikkan Allah dalam peribadatan dan ketundukannya.³⁶

Bagi Ibn Qayyim, keimanan yang hanya setakat tauhid *Rububiyyah* masih tidak memadai kerana tauhid ini juga diakui oleh orang-orang Islam dan bukan Islam.³⁷ Ini menunjukkan manusia masih dikira belum menunjukkan sifat perhambaan yang

³⁵ al-Qur'an, *Surah al-Ankabut*, 29:61.

³⁶ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Madārij al-Salikin baina Mañazil Iyyaka Na'budu wa Iyyaka Nasta'in*, Juz. 1, Kaherah: Dar al-Hadith, t.t., hal. 443.

³⁷ *Ibid.*, hal. 188.

sebenarnya kepada Allah s.w.t kecuali jika mereka telah beriman dengan tauhid *Rububiyyah*, tauhid *Asmā' wa al-Sifat* dan tauhid *al-Qasdi al-Irādi* (*Uluhiyyah*). Keperluan beriman kepada tauhid-tauhid yang disebutkan di dalam firman Allah s.w.t yang berikut³⁸:

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينَ ◉

“Terjemahan: Engkaulah sahaja (Ya Allah) yang kami sembah, dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan.”³⁹

Oleh itu jika sesorang masih beriman setakat tauhid *Rububiyyah* sahaja, maka masih wujud persamaan dengan orang-orang bukan Islam. Kecintaan sebenarnya masih belum lagi ditumpukan hanya kepada Allah s.w.t sahaja kerana masih ada lagi kecintaan kepada tuhan-tuhan yang lain sepertimana yang disembah oleh orang-orang kafir.

4.3.1.2 Tauhid *al-Asmā' wa al-Sifat*

Menurut Qadi Ahmad Muhammad ‘Ali Daud, maksud ‘*al-Asmā'* ialah sesuatu yang menunjukkan kepada dhat-dhat ketuhanan seperti lafadz Allah. Manakala maksud ‘*al-*

³⁸ *Ibid.*, hal. 182.

³⁹ al-Qur'an, *Surah al-Fatiyah*, 1:5.

*Sifat*⁴⁰ ialah sesuatu yang menunjukkan kepada sifat-sifat Allah seperti al-'Alim, al-Qadir dan sebagainya.⁴⁰

Syeikh Muhammad b. Abdul Wahab pula berpendapat tauhid *al-Asma' wa al-Sifat* ialah mengakui bahawa Allah s.w.t adalah Maha mengetahui lagi Maha berkuasa. Dialah Tuhan yang sentiasa hidup serta tidak pernah tidur, Maha mendengar lagi Maha melihat. Seterusnya mengakui dan beriman dengan semua nama-nama Allah dan sifat-sifat Allah yang maha tinggi.⁴¹

Muhammad Na'im Yassin juga mengatakan bahawa tauhid *al-Asma' wa al-Sifat* ialah beritiqad bahawa Allah s.w.t bersifat dengan sifat-sifat kesempurnaan serta suci daripada sebarang sifat kekurangan. Sifat-sifat Allah juga tidak menyerupai sifat-sifat makhluk.⁴²

Kesimpulannya tauhid *al-Asma' wa al-Sifat* adalah mengakui bahawa Allah mempunyai nama-nama yang baik serta sifat-sifatNya yang menggambarkan keagungan dan kekuasaanNya.

⁴⁰ Qadi Ahmad Muhammad 'Ali Daud, *Aqidah al-Tauhid*, Beirut: Muassasah al-Risalah, cet. 1, 1988, hal. 30.

⁴¹ Syeikh Sulaiman b. Abdullah b. Muhammad b. Abd. Wahab, *Taisir al-'Aziz al-Hamid fi Syarh Kitab al-Tauhid*, al-Maktab al-Islami, cet. 5, 1402 H.

Ibn Qayyim telah mendefinisikan tauhid *al-Asma' wa al-Sifat* ialah menyakini bahawa Allah s.w.t adalah bersifat dengan segala sifat kesempurnaan dan tidak ada bagiNya sifat-sifat kelemahan atau kekurangan.⁴³

Seterusnya Ibn Qayyim mengatakan tauhid ini adalah sebagai penegasan bahawa Allah yang menciptakan alam ini mestilah mempunyai sifat-sifat dan nama-nama yang baik dan sempurna. Oleh sebab itulah segala puji-pujian mestilah ditujukan kepada Allah agar sejajar dengan sifat-sifat Allah yang sempurna dan baik.⁴⁴

Menurut Ibn Qayyim, beriman dengan nama-nama dan sifat-sifat Allah akan dapat mengukuhkan keimanan seseorang kepada Allah s.w.t. Malah ianya juga dapat mengubati jiwa-jiwa manusia di saat-saat mereka berada dalam keadaan malas. Sifat-sifat Allah ini juga dapat mendorong hati-hati manusia untuk mencintai Allah melebihi segala-segalanya kerana mereka sudah mengenali sifat-sifat dan nama-nama Allah yang Maha sempurna.⁴⁵

⁴² Muhammad Nai'm Yassin, *al-Iman Arkāmu Hu Haqiqatuhu Nawāqiḍuhu*, Kuwait: Maktabah al-Falah, cet. 5, 1987, hal. 32.

⁴³ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Madarij al-Salikin baina Manāzil Iyyaka Na'budu wa Iyyaka Nasta'in*, Juz. 1, hal. 33.

⁴⁴ *Ibid.*, hal. 36-37.

⁴⁵ *Ibid.*, Juz. 3, hal. 18.

Ibn Qayyim menyatakan bahawa orang yang mengenali Allah dengan sebenar-benar pengenalan adalah orang yang mengetahui dan memahami nama-nama Allah, sifat-sifat Allah dan perbuatan-perbuatan Allah. Dengan pengenalan ini, mereka akan menyelaraskan segala tindak tanduk dan perbuatan harian mereka sesuai dengan kemahuan Allah. Seterusnya bersikap ikhlas dalam segala tindakannya, meninggalkan segala akhlak yang tercela terhadap Allah dan bersabar menerima segala keputusan Allah samada dianugerahkan nikmat atau dikenakan musibah. Mereka juga akan terus menjalankan dakwah ke jalan Allah dengan semangat yang tinggi serta sentiasa mematuhi apa yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w dalam menjalankan dakwahnya. Mereka tidak lagi terpengaruh dengan pandangan-pandangan yang lain kecuali apa yang telah disampaikan oleh Rasulullah s.a.w. Inilah yang dikatakan orang yang telah mencapai hakikat *ma'rifatullah* kesan dari keimanannya terhadap tauhid *al-Asmā'* wa *al-Sifat*.⁴⁶

Menurut Ibn Qayyim lagi, manusia yang paling merbahaya ialah manusia yang mengingkari dan tidak mahu mengakui sifat-sifat kesempurnaan Allah s.w.t. Oleh itu Ibn Qayyim membahagikan musuh-musuh yang menghalang kepercayaan kepada pengakuan Mahasempurnanya Allah s.w.t kepada tiga kelompok iaitu⁴⁷:

⁴⁶ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Miftah Dar al-Sa'adah*, Tahqiq: Syeikh Muhammad Bayyumi, al-Qahirah: Maktabah al-Imam, t.t., hal. 105.

⁴⁷ Abdul 'Aziz Musthafa, *Mahabbattullah Tangga Menuju Cinta Allah Wacana Imam Ibnu Qayyim al-Jauziyah*, Surabaya: Risalah Gusti, cet. 1, 1996, hal. 114-115.

- i. Mereka yang menolak sifat-sifat dan nama-nama Allah, di mana mereka akan menunggu dipenghujung jalan untuk menghalang para Rasul dan para pengikutnya dari mengenali Allah dengan ma'rifat yang sebenar.
- ii. Mereka yang berada dipenghujung jalan untuk menghalang mereka yang mematuhi perintah Allah dan meninggalkan laranganNya. Mereka akan cuba untuk melakukan rombak dan perubahan terhadap perintah dan larangan Allah agar manusia tidak mengikuti jalan yang sepatutnya kepada Allah s.w.t.
- iii. Mereka yang berada dipenghujung jalan untuk mengganggu perbuatan yang boleh mengarahkan seseorang untuk ke syurga. Memenuhi keinginan syahwat merupakan tujuan utama mereka. Mereka akan berusaha untuk memalingkan perhatian orang-orang yang membuat persiapan ke syurga ke arah keinginan dunia.

Dalam mengemukakan dalil terhadap tauhid ini, Ibn Qayyim telah menjelaskan bahawa keseluruhan Surah *al-Ikhlas* adalah menjadi bukti yang nyata wujudnya tauhid ini.

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ۝ إِنَّ اللَّهَ لَمْ يَكُنْ لَّهُ كُفُورًا أَحَدٌ ۝
لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُوَلَّدْ ۝ وَلَمْ يَكُنْ لَّهُ كُفُورًا أَحَدٌ ۝

“Terjemahan: Katakanlah (wahai Muhammad): (Tuhanmu) ialah Allah Yang Maha Esa; Allah Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat; ia tiada

beranak, dan Ia pula tidak diperanakkan; Dan tidak ada sesiapapun yang setara denganNya”⁴⁸

Di dalam ayat di atas, jelas menunjukkan bahawa wajib bagi Allah s.w.t bersifat ‘*al-Ahad*’ iaitu menafikan segala sekutu untukNya. Ini bererti menafikan secara mutlak perbuatan syirik dalam segala bentuknya. Manakala ‘*al-Samad*’ yang terkandung di dalam surah ini menegaskan bahawa Allah adalah tempat pergantungan bagi makhluk. Bila Allah sebagai tempat bergantung, maka sudah semestinya Allah tidak akan sama dengan makhluk. Seterusnya menafikan beranak dan berbapa sebagai suatu yang semestinya bagi Dia yang bersifat dengan ‘*al-Samad*’.

Dengan ini wujud penafian segala sifat kekurangan daripadaNya dan penghibatan segala sifat kesempurnaan bagiNya. Melalui surah ini juga Allah menjelaskan bahawa Dia tidak sama dengan makhluk samada pada sifat-sifat atau pun keistimewaan. Oleh itu wujud penafian segala *tasybih* dan *tamthil* pada kesempurnaan sifatNya. Dengan ini, jelaslah bahawa surah ini menjadi bukti kepada tauhid *al-Asma’ wa al-Sifat*. Menurut Ibn Qayyim segala perkara yang terkandung dalam surah ini merupakan himpunan tauhid *al-`Ilm al-i’tiqadi* yang membezakan pendokongnya daripada golongan-golongan yang sesat dan syirik.⁴⁹

⁴⁸ al-Qur'an, *Surah al-Ikhlas*, 112:1-4.

⁴⁹ Ibn Qayyim al-Jawziyah, *Ighātah al-Lahfān min Maṣayid al-Syaiṭān*, Qaherah: Dār al-Turath, cet. 1, 1983, Juz.2, hal. 182. Lihat juga Muhammad Nā’im Yassin, *al-Imān Arkānuhu Haqīqatuhu Nawāqiduhu*, Kuwait: Maktabah al-Falah, cet. 5, 1987, hal. 33.

Oleh sebab itulah juga surah ini turut dinamakan surah ‘*al-Tauhid*’ kerana menetapkan dengan tegas tentang keesaan Allah yang sebenar-benarnya serta kekayaanNya yang sehabis-habis lengkap dan sempurna. Disamping itu ianya juga turut menafikan sebarang persamaan atau perbandingan antara Allah dengan yang lain.

Menurut Ibn Qayyim al-Jawziyyah lagi, kepercayaan seseorang kepada tauhid *asma'* wa *al-sifat* bergantung kepada keyakinannya kepada dua aspek berikut⁵⁰:

- a) *Salb* iaitu menafikan bahawa Allah bersifat dengan sifat-sifat kekurangan dan kelemahan.
- b) *Ithbat* iaitu menegaskan bahawa Allah bersifat dengan segala sifat-sifat kesempurnaan.

⁵⁰ Dalam huraianya, Ibn Qayyim membahagikan *salb* dan *ithbat* adalah sebahagian daripada tauhid *al-qauli* atau tauhid *al-ilm* tetapi penulis mencatatkankannya sebagai asas kepada tauhid *al-asma'* wa *al-sifat* kerana pada pandangan penulis pengertian *salb* dan *ithbat* lebih menjurus kepada tauhid *al-asma'* wa *al-sifat*. Begitu juga tauhid *al-asma'* wa *al-sifat* adalah sebahagian daripada tauhid *al-ilm*. Lihat Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Syarh al-Qasidah al-Nuniah*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, cet. 1, 1986, Juz. 2, hal. 55.

Seterusnya Ibn Qayyim berpendapat bahawa *salb* atau penafian tersebut bolehlah dibahagikan kepada dua bahagian yang lain iaitu⁵¹:

- a) *Salb muttaṣil* iaitu menafikan Allah bersifat dengan sifat-sifat kelemahan yang menjadi lawan kepada sifat-sifat kesempurnaan Allah. Contohnya, Allah tidak ‘mati’ kerana ianya menjadi lawan kepada sifat Allah ‘hidup’, Allah tidak bersifat ‘lemah’ kerana ianya menjadi lawan kepada sifat Allah ‘berkuasa’, Allah tidak bersifat ‘tidur’ yang menjadi lawan kepada sifat Allah ‘sentiasa jaga’, Allah juga tidak bersifat ‘paksaan’ yang menjadi lawan kepada sifat Allah ‘pilihan’ dan lain-lain lagi. Antara dalil-dalilnya ialah⁵²:

Firman Allah s.w.t :

وَتَوَكَّلْ عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ

“Terjemahan: Dan berserahlah engkau kepada Allah Tuhan Yang Hidup, yang tidak mati”⁵³

Firman Allah lagi :

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذْهُ سِنَةٌ
وَلَا نَوْمٌ

“Terjemahan: Allah, tiadalah Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Tetap Hidup, Yang Kekal

⁵¹ *Ibid.*, hal. 56.

⁵² *Ibid.*

⁵³ al-Qur'an, Surah al-Furqān, 25: 58.

selama-lamanya mentadbirkan (sekalian makhluk-Nya). Yang tidak mengantuk usahkan tidur.”⁵⁴

b) *Salb munfasil* iaitu menyucikan Allah daripada sebarang sifat yang menggambarkan bahawa Allah berkongsi dengan yang lain dalam melakukan sesuatu dan juga menafikan adanya persamaan dengan makhluk. Contohnya menafikan bahawa Allah berkongsi kuasa dengan makhluk lain dalam mentadbirkan alam semesta ini. Antara dalil-dalil yang dikemukakan oleh Ibn Qayyim ialah⁵⁵:

Firman Allah s.w.t :

وَقُلْ حَمْدٌ لِلَّهِ الَّذِي لَمْ يَتَّخِذْ وَلَدًا وَلَمْ يَكُنْ لَهُ
شَرِيكٌ فِي الْمُلْكِ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ، وَلِيٌّ مِنَ الْذِلِّ
وَكَبِيرٌ تَكْبِيرًا ◎

“Terjemahan: Dan katakanlah: Segala puji tertentu bagi Allah, yang tiada mempunyai anak, dan tiada bagi-Nya sekutu dalam urusan kerajaan-Nya, dan tiada bagi-Nya penolong disebabkan sesuatu kelemahan-Nya; dan hendaklah engkau membesarlu serta memuliakan-Nya dengan bersungguh-sungguh”⁵⁶

⁵⁴ al-Qur'an, Surah al-Baqarah, 2:255.

⁵⁵ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *op. cit.*, hal. 56-57.

⁵⁶ al-Qur'an, Surah al-Israa', 17:111.

Firman Allah lagi :

وَلَمْ يَكُنْ لَّهُ كُفُواً أَحَدٌ ﴿١﴾

“Terjemahan: Dan tidak ada sesiapapun yang setara denganNya.”⁵⁷

Pandangan Ibn Qayyim ini juga selaras dengan pendapat gurunya Ibn Taimiyyah di mana beliau juga turut menyatakan bahawa apa yang dimaksudkan dengan *salb* atau penafian ialah menafikan bahawa Allah s.w.t bersifat dengan sifat-sifat kekurangan serta menafikan adanya sebarang persamaan antara Allah dengan lain-lain makhluk samada dari segi nama atau pun sifat. Manakala *ithbāt* atau penegasan pula ialah menegaskan bahawa Allah bersifat dengan sifat-sifat yang sempurna sebagaimana yang dinyatakan di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah.⁵⁸

Muhammad Na'im Yassin pula menambah bahawa antara asas keimanan kepada tauhid *asma' wa al-sifat* ini, ialah mesti beriman dengan nama-nama dan sifat-sifat Allah tanpa ditanya tentang *kaifiyatnya* serta tanpa membahaskan *haqiqatnya* kerana Allah tidak harus ditanya tentang *haqiqat* dan *kaifiyat*Nya. Oleh itu, keimanan

⁵⁷ al-Qur'an, Surah *al-Ikhlas*, 112:4.

⁵⁸ Abd. Aziz Muhammad Salman, *al-As'lah wa al-Ajwibah al-Uṣūliyyah 'ala al-'Aqidah al-Wasitiyyah*, Riyadh: Maktabah al-Riyadh al-Hadithah, cet. 7, 1975, hal. 29.

terhadap nama-nama dan sifat-sifat Allah adalah setakat apa yang telah dinyatakan di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah.⁵⁹

Oleh itu, dengan keyakinan seperti yang disebutkan di atas, maka keimanan terhadap tauhid *al-Asmā' wa al-Sifat* akan menjadi lebih mantap. Ini disebabkan segala sifat-sifat kelemahan dinafikan sekeras-kerasnya untuk dikaitkan dengan Allah. Begitu juga dengan sebarang persamaan antara Allah dengan lain-lain makhluk juga turut dihapuskan. Dengan ini akan terserlahlah bahawa Allah sebenarnya Tuhan yang Maha berkuasa dan Maha tinggi kedudukanNya sesuai dengan nama-namaNya yang *Husna* dan sifat-sifatNya yang sempurna.

Nama-nama Allah ialah nama-nama khas yang dinyatakan oleh Allah s.w.t sendiri melalui al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah s.a.w. Tiap-tiap nama Allah itu juga menggambarkan satu atau beberapa sifat bagi Allah s.w.t. Tiap-tiap nama Allah juga diambil dari *masdar* seperti *al-'Alim*, *al-Qadir*, *al-Sami'* dan sebagainya.⁶⁰

Dari segi jumlahnya, Ibn Qayyim tidak menyatakan berapa jumlah nama-nama Allah tetapi beliau yakin bahawa nama-nama dan sifat-sifat Allah adalah saling berkait antara satu sama lain. Oleh itu beliau menyatakan nama-nama Allah adalah

⁵⁹ Muhammad Na'im Yassin, *al-Iman Arkāmu Hu Haqiqatuhu Nawāqiduhu*, Kuwait: Maktabah al-Falah, cet. 5, 1987, hal. 25.

⁶⁰ *Ibid.*, hal. 29-30.

sebagaimana yang telah dinyatakanNya melalui al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah s.a.w.⁶¹ Dengan ini, Ibn Qayyim berkeyakinan bahawa nama-nama Allah adalah bersifat *tauqifi* iaitu setakat apa yang dinyatakan oleh al-Qur'an dan al-Sunnah.

Pandangan Ibn Qayyim ini juga sama dengan pandangan gurunya Ibn Taimiyyah di mana beliau turut mengatakan bahawa nama-nama dan sifat-sifat Allah adalah *tauqifi* dan tidak perlu dibuat sebarang tambahan, perubahan atau pun pengurangan.⁶²

Hafiz Ibn Ahmad al-Hakami juga sependapat dengan Ibn Qayyim dan Ibn Taimiyyah bahawa nama-nama Allah adalah bersifat *tauqifi* sebagaimana yang telah dinyatakan oleh al-Qur'an dan al-Sunnah.⁶³

⁶¹ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Syarh al-Qasidah al-Nuniah*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, cet. 1, 1986, Juz. 2, hal. 125.

⁶² al-Sayyid Nu'man Khairuddin al-Syahir bi Ibn al-Alusi al-Baghdadi, *Jala' al-'Ainain fi Muhaqamah al-Ahmaddah*, Matba'ah al-Madani, 1981, hal. 451.

⁶³ Hafiz Ibn Ahmad al-Hakami, *Mi'atun Sual wa Jawab fi al-'Aqidah al-Islamiyyah*, Qaherah: Dar al-Tisam, 1982, hal. 31.

Dalam hubungan ini terdapat hadith-hadith Rasulullah s.a.w yang menyatakan sesiapa yang menghafal nama-nama Allah akan membolehkannya memasuki syurga. Di samping itu terdapat juga hadith-hadith yang menyebutkan nama-nama Allah secara terperinci iaitu sebanyak 99 nama. Walaupun al-hadith memberikan jumlah tersebut, tetapi nama-nama Allah bukan hanya setakat 99 nama itu sahaja, malah ia merangkumi nama-nama selain dari 99 itu yang membawa maksud kepada 99 nama itu juga.⁶⁴ Manakala ayat-ayat al-Qur'an tidak menerangkan bilangan *al-Asmā' al-Husnā* walaubagaimanapun ia menyatakan adanya bagi Allah, *al-Asmā' al-Husnā*.

Antara ayat-ayat al-Qur'an yang menyebutkan tentang *al-Asmā' al-Husnā* ialah :

- a) Firman Allah s.w.t,

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْأَكْبَرُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَى ⑥

“Terjemahan: Allah! Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Dia, bagi-Nyalah segala nama yang baik.”⁶⁵

- b) Firman Allah s.w.t,

وَلِلَّهِ الْأَكْبَرُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَى فَادْعُوهُ بِهَا وَذَرُوا الَّذِينَ
يُلْحِدُونَ فِي أَسْمَائِهِ

⁶⁴ Abi Mansur Abdul Qahar b. Tahir al-Tamimi al-Baghdadi, *Kitab Uṣūluddin*, Istanbul: Maṭba'ah al-Daulah, cet. 1, 1928, hal. 120. Lihat juga Mudasir Rosder, *Asas Tauhid: Pertumbuhan dan Huraiannya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, cet. 1, 1989, hal. 152.

⁶⁵ al-Qur'an, Surah *Taha*, 20: 8.

“Terjemahan: Dan Allah mempunyai nama-nama yang baik (yang mulia), maka serulah (dan berdo'alah) kepada-Nya dengan menyebut nama-nama itu.”⁶⁶

c) Firman Allah s.w.t,

هُوَ اللَّهُ الْخَلِقُ الْبَارِيُّ الْمُصَرِّفُ لَهُ الْأَسْمَاءُ
الْحُسْنَىٰ

“Terjemahan: Dialah Allah, Yang Menciptakan sekalian makhluk-Nya; Yang Mengadakan (dari tiada kepada ada); Yang Membentuk rupa (makhluk-makhluk-Nya menurut yang dikehendaki-Nya); bagi-Nyalah nama-nama yang sebaik-baiknya dan semulia-mulianya.”⁶⁷

d) Firman Allah s.w.t,

قُلْ أَدْعُوا اللَّهَ أَوْ أَدْعُوا الرَّحْمَنَ إِنَّمَا تَدْعُوا فَلَهُ
الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ وَلَا تَجْهَرْ بِصَلَاتِكَ وَلَا تُخَافِتْ
بِهَا وَابْتَغِ بَيْنَ ذَلِكَ سَبِيلًا ⑥

“Terjemahan: Katakanlah (wahai Muhammad): “Serulah nama “Allah” atau nama “Ar-Rahman”, yang mana sahaja kamu serukan (dari kedua-dua nama itu adalah baik belaka); kerana Allah mempunyai banyak nama-nama yang baik serta mulia.”⁶⁸

⁶⁶ al-Qur'an, *Surah al-A'raf*, 7: 180.

⁶⁷ al-Qur'an, *Surah al-Hasyr*, 59: 24.

⁶⁸ al-Qur'an, *Surah al-Isra'*, 17: 110.

Manakala hadith-hadith yang menunjukkan nama-nama Allah secara *Ijmal* ialah hadith yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim,

a)

حدثنا على بن عبد الله، حدثنا سفيان
قال حفظناه من أبي الزناد عن الأعرج عن
أبي هريرة رواية قال الله تسعه الا واحده
من حفظها دخل الجنة وهو وترحب الور

“Terjemahan: Daripada Abu Hurairah, Rasulullah bersabda: Bagi Allah ada sembilan puluh sembilan nama, seratus kecuali satu, sesiapa yang menghafaznya akan masuk syurga, Allah Tunggal dan Dia suka pada yang tunggal.”⁶⁹

b)

حدثنا عمرووا لتأكد وزهير بن حرب وابن أبي عمر جمبيعا عن سفيان
(واللقط لعمر) حدثنا سفيان بن عيينة عن أبي الزناد عن الأعرج عن
أبي هريرة عن النبي (ص) قال الله تسعه وتسعين اسما مائة الا واحده
من احصاها دخل الجنة”⁷⁰

وزاد هام عن أبي هريرة عن النبي (ص) أنه وترحب الور

“Terjemahan: Daripada Abu Hurairah, daripada Nabi (s.a.w) bersabda: Allah mempunyai sembilan puluh sembilan nama seratus kecuali satu, sesiapa yang memeliharanya akan masuk syurga, aku memeliharanya dan telah menghafalnya.”⁷⁰

⁶⁹ Al-Imam Abi al-Husin Muslim Ibn al-Hajjaj Ibn Muslim al-Qusyayri al-Naysaburi, *Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawi*, Beirut: Dar al-Fikr, t.t, Juz. 17, hal. 5. Lihat juga Mudasir Rosder, *Asas Tauhid: Pertumbuhan Dan Huraianya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, cet. 1, 1989, hal. 155.

⁷⁰ Ibn Hajar al-Asqalani, *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Imam Ibn Abdullah Muhammad b. Ismail al-Bukhari*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, cet. 3, 1985, Juz 13, hal. 322-323. Lihat juga *Ibid*, hal. 156.

Dalam menghuraikan hadith di atas, Ibn Qayyim menyatakan bahawa maksud menghafal ialah memahami dan menghayati bahawa Allah mempunyai nama-nama dan sifat-sifat yang baik dan sempurna. Oleh itu keyakinan seumpama ini mesti tertanam dalam hati seseorang muslim dan disertai pula dengan beribadah kepada Allah s.w.t.⁷¹ Oleh itu menghafal dalam hadith di atas bukan bererti menghafal semata-mata akan tetapi apa yang lebih penting ialah menghayati nama-nama Allah tersebut.

Manakala Hadith yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhi pula menyebutkan secara satu persatu nama-nama Allah iaitu,⁷²

حدثنا ابراهيم بن يعقوب الجوز جاني - حدثني صفوان بن صالح -
حدثنا الوليد بن مسلم حدثنا شعيب بن أبي حمزة عن أبي الزناد عن
الاعرج عن أبي هريرة قال: قال رسول الله (ص) ان الله تسعه
وتسعين اسمان احصاها دخل الجنة هو الله الذي لا اله الا هو
الرحمن، الرحيم، الملك، القدس، السلام، المؤمن، المهيمن،
العزيز، الجبار، المتكبر، الخالق، البارئ، المصور، الغفار، القهار،
النَّعَمَانُ، الرزاق، الفتاح العليم، القابض، الباسط، الخافض،
الذكي، المذل، السمع، البصر، الحكم، العدل، اللطيف،
العظيم، الغفور، الشكور، العلي، الكبير الحفيظ

⁷¹ Syeikh Hafiz b. Ahmad Hakami, *Ma'arif al-Qabul bi Syarh Sullam al-Wusul ila 'Ilm al-Uṣul fi al-Tauhid*, Iskandariah: Dār al-Fath al-Islami, t.t., Juz. 1, hal. 37.

⁷² Ibnu 'Isa Muhammad Ibnu 'Isa Sawrah al-Tarmizi, *al-Jami' al-Ṣahih wa Huwa Sunan al-Tarmidhi* (Tahqiq: Ibrahim 'Atwah 'Iwadh), Qahirah: Maktabah Mustafa al-Halabi, cet. 2, 1975, Juz. 5, hal. 530-531. Lihat juga *Ibid*, hal. 156-157.

المقيت، الحسيب، الجليل، الکريم، الرقیب، المحب، الواسع،
 الحكم، الودود، المجید، الباعث، الشهید، الحق، الوکیل،
 القومی، المتن، الولی، الحمید، الحصی، المبدئ، المعید، المحبی،
 الممیت، الحی القيوم، الواجد، الماجد، الواحد، الصمد، القادر،
 المقتدر، المقدم، المؤخر، الأول، الآخر، الظاهر، الباطن، الوالی،
 المتعال، البر، التواب، المتقم، العفو، الرؤف، هالک، الملك،
 ذوالجلال، والاکرام، المقطسط، الجامع، الغنی، المانع، الضار،
 النافع، النور، الہادی، البدیع، الباقي، الوارث، الرشید،
 الصبور.

Di dalam Sunan Ibn Majah juga terdapat sebuah hadith yang menyebutkan secara satu persatu nama-nama Allah iaitu,⁷³

حدثنا هشام بن عمار حدثنا عبد الملک بن عبد الصناعي ، حدثنا ابو
 المتندر زهير بن محمد التميمي حدثنا موسى بن عقبة ، حدثني عبد
 الرحمن الأعرج عن أبي هريرة ، أن رسول الله (ص) قال إن الله
 تسعة وتسعين اسمها مائة الا واحدا ، انه وترحب الوتر من حفظها دخل
 الجنة ، وهى الله ، الواحد ، الصمد ، الأول ، الآخر ، الظاهر ،
 الباطن ، الحالى ، البدىء ، المصور ، الملك ، الحق ، السلام ، المؤمن ،
 المهيمن ، العزيز ، الجبار ، المتكبر ، الرحمن الرحيم ، اللطيف ، الخير ،

⁷³ Abu Abdullah Muhammad Ibn Yazid al-Qazwini, *Sunan Ibn Majah*, (Tahqiq:Muhammad Fu'ad Abd al-Baqi) Beirut: al-Maktabah al-'Ilmiyah, t.t., Juz 2, hal. 1269-1270. Lihat juga, *Ibid.*, hal. 157-158.

السميع، البصير العليم، العظيم، البار، المتعال، الجليل، الحى،
القيوم، القادر، القاهر، العلي، الحكم، القريب الحبيب، الغنى،
الوهاب، الودود، الشكور، الماجد، الواجد، الوالى، الرائد،
العفو، الغفور، الحليم، الكريم، الثواب، الرب، المجيد، الولى،
الشهيد، المبين، البرهان، الزوج، المبدئ، المعيد الباعث، الوارث،
القوى، الشديد، الضار، النافع، الباقي، الواقى، الحتافض، الرافع،
القابض، الباسط، المعز، المذل، المقطسط، الرزاق، ذوالقوة المتين.
القائم، الدائم، الحافظ، الوكيل، الفاطر، السامع، المعطى، الحى،
المميت، المانع، الجامع، المادى، الكافى، الأبد العالم، الصادق،
النور، المنير، التام، القديم، الوتر، الأحد، الصمد، الذى لم يلد ولم
يولد ولم يكن له كفوا أحد.

Merujuk kepada hadith-hadith di atas, sebanyak 74 nama-nama Allah disebut didalam kedua-dua hadith tersebut manakala sebanyak 25 nama-nama lagi disebut di dalam salah satu hadith-hadith itu. Dengan ini ia membawa jumlah 99 nama keseluruhannya.

Daripada perbincangan di atas, penulis menyimpulkan bahawa nama-nama Allah adalah banyak dan tidak terhenti setakat 99 nama sahaja. Jumlah yang dinyatakan oleh hadith Rasulullah s.a.w adalah bertujuan untuk memudahkan penghafalan dan penghayatan terhadap nama-nama tersebut. Peranan manusia adalah untuk mempercayai dengan yakin bahawa Allah mempunyai nama-nama dan sifat-sifat yang banyak dan seterusnya menghayati nama-nama tersebut dalam kehidupan seharian. Dalam hubungan ini penulis bersetuju dengan Ibn Qayyim dan Ibn Taimiyyah serta lain-lain para ‘ulama’ bahawa nama-nama Allah adalah bersifat *tauqifi* dan selaku seorang Muslim, kita mesti mempercayainya dengan penuh keyakinan.

Hubungan antara nama-nama dan sifat-sifat Allah adalah amat rapat sekali. Menurut Ibn Qayyim, nama-nama Allah s.w.t ialah sifat-sifat yang menunjukkan kepada kesempurnaanNya. Oleh itu tidak ada nama-nama Allah yang bersalahan dengan sifat-sifatNya. Maka semua nama-nama Allah adalah *husna*.⁷⁴

Seterusnya Ibn Qayyim berhujjah bahawa sekiranya nama-nama Allah tidak mempunyai apa-apa makna sudah tentu ianya tidak *husna*. Oleh itu, menurut Ibn Qayyim, nama-nama Allah itu adalah *husna* kerana ianya menunjukkan kepada sifat-sifat Allah yang sempurna. Ibn Qayyim mengemukakan dalil-dalil dari al-Qur'an di

⁷⁴ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Op. cit.*, hal. 36-37. Lihat juga Mudasir Rosder, *Asas Tauhid: Pertumbuhan Dan Huraianya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, cet. 1, 1989, hal. 151.

mana Allah s.w.t telah menyebutkan diriNya dengan nama terbitan(*masdar*) seperti berikut⁷⁵:

Firman Allah :

إِنَّ اللَّهَ هُوَ الرَّزَّاقُ ذُو الْقُوَّةِ الْمَتِينُ ④

“Terjemahan: Sesungguhnya Allah, Dialah sahaja Yang Memberi rezeki (kepada sekalian makhluknya, dan Dialah sahaja) Yang Mempunyai Kekuasaan yang tidak terhingga, lagi Yang Maha Kuat Kukuh kekuasaanNya.”⁷⁶

Firman Allah :

فَلِلَّهِ الْعِزَّةُ جَمِيعًا

“Terjemahan: bagi Allah jualah segala kemuliaan”⁷⁷

Menurut Ibn Qayyim kedua-dua ayat di atas adalah sebagai bukti Allah bersifat dengan sifat ‘al-Quwwah’ dan ‘al-‘Izzah’.

⁷⁵ *Ibid*, hal. 37. Lihat juga *Ibid*, hal. 152.

⁷⁶ al-Qur'an, *Surah al-Dhariaat*, 51: 58

⁷⁷ al-Qur'an, *Surah Fatir*, 35:10.

Menurut Ibn Qayyim lagi, sekiranya nama-nama Allah itu tidak mempunyai apa-apa makna dan sifat, sudah tentu tidak boleh dikaitkan Allah dengan perbuatanNya. Contohnya, kita tidak boleh mengatakan Allah itu mendengar, melihat, mengetahui dan seumpamanya kerana hukum-hukum sifat itu bergantung kepada adanya sifat tersebut. Oleh itu sekiranya tiada asal sifat itu, maka mustahil ada hukum-hukumnya.⁷⁸

Akhirnya Ibn Qayyim menyimpulkan bahawa nama-nama Allah adalah menunjukkan kepada dhat dan sifat-sifat Allah secara serentak. Disamping itu ianya juga menunjukkan kepada dhat dan sifat Allah secara *tadammum*⁷⁹ dan *al-luzūm*⁸⁰. Contohnya nama Allah ‘*al-Sami’*’ adalah menunjukkan kepada dhat dan sifat Allah yang mendengar. Begitu juga dengan nama Allah ‘*al-Hayyi*’ menunjukkan kepada dhat dan sifat Allah yang hidup.⁸¹

⁷⁸ *Op. cit.*, hal. 38. Lihat juga *op. cit.*

⁷⁹ *Tadammum* maksudnya ialah menafsirkan nama Allah dengan sebahagian daripada maknanya. Lihat Abd. Aziz Muhammad Salman, *al-As’alah wa al-Ajwibah al-Uṣūliyyah ‘ala al-‘Aqidah al-Wasitiyyah*, Riyadh: Maktabah al-Riyadh al-Hadithah, cet. 7, 1975, hal. 46.

⁸⁰ *al-Luzūm* maksudnya menghuraikan nama Allah dengan makna yang semestinya dengan nama tersebut. Lihat *Ibid.*

⁸¹ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Madārij al-Salikin baina Manāzil Iyyaka Na’budu wa Iyyaka Nasta’in*, Juz. 1, hal. 39. Lihat juga Mudasir Rosder, *Asas Tauhid: Pertumbuhan Dan Huriaiannya*, hal. 152.

4.3.2 Tauhid *al-Qasdi al-Irādi*⁸²

Tauhid ini mempunyai maksud yang sama seperti tauhid *Ilahiyyah* atau tauhid *Uluhiyyah* atau tauhid *'Ubudiyyah*.⁸³ Maksudnya ialah beritiqad bahawa Allah sahajalah yang berhak disembah, ditujui dan dikasihi oleh hambanya.⁸⁴ Ini bermakna seseorang hamba itu menumpukan hatinya, keazamannya, pergerakannya serta peribadatannya hanyalah kepada Allah s.w.t dan tidak mensyirikkan Allah sewaktu beribadah.⁸⁵

Bagi Abu al-'A'la al-Maududi, beliau menyebutkan tauhid ini dengan nama tauhid *Uluhiyyah*. Menurutnya, maksud tauhid ini ialah mengakui bahawa Allah s.w.t adalah merupakan Tuhan yang berkuasa terhadap alam semesta ini seluruhnya. Oleh itu, semua makhluk mesti tunduk dan patuh kepada Allah s.w.t yang telah menjadikan dan berkuasa terhadap alam semesta ini.⁸⁶

⁸² Tauhid ini juga dinamakan dengan tauhid *al-irādi al-falabi* kerana patuh menurut kehendak Allah dengan melakukan beribadah secara ikhlas kepadaNya. Lihat Ibn Qayyim al-Jawziyah, *Madārij al-Salikin baina Manāzil Iyyaka Na'budu wa Iyyaka Nasta'in*(tahqiq: Lujnah min al-'ulama' bi Isyraf al-Nasyir), Kaherah: Dar al-Hadith, Juz. 3, hal. 468. Lihat juga Ibn Qayyim al-Jawziyah, *Syarh al-Qasidah al-Nuniah*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, cet. 1, 1986, Juz. 2, hal. 55.

⁸³ Salih b. Fawzan b. Abdullah al-Fawzan, *Muhadarat fi al-'Aqidah wa al-Da'wah*, Riyadh: Dar al-'Asimah, cet. 1, 1413 H, Juz. 1, hal. 10.

⁸⁴ Ibn Qayyim al-Jawziyah, *Tariq al-Hijra ta'ian wa Bab al-Sa'adatain*,(Tahqiq: Abdullah b. Ibrahim al-Anṣari), Idarah al-Syau'un al-Diniyah bi Daulah Qatr, 1977, hal. 51.

⁸⁵ Ibn Qayyim al-Jawziyah, *Madārij al-Salikin baina Manāzil Iyyaka Na'budu wa Iyyaka Nasta'in*(tahqiq: Lujnah min al-'ulama' bi Isyraf al-Nasyir), Kaherah: Dar al-Hadith, Juz. 3, hal. 532. Lihat juga Ibn Qayyim al-Jawziyah, *Syarh al-Qasidah al-Nuniah*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, cet. 1, 1986, Juz. 2, hal. 131.

⁸⁶ Abul A'la al-Maududi, *Empat Istilah Dalam al-Qur'an* (terj: Abdullah Said), Singapura: Himpunan Belia Islam Singapura, 1980, hal. 17.

Ibn Qayyim pula berpendapat, dalam konteks yang lain tauhid *al-Qaṣdi al-Irādi* boleh dianggap sebagai tauhid yang berbentuk praktikal iaitu mempraktikkan segala perkara yang dihasilkan oleh tauhid *al-`Ilm*.⁸⁷ Maksud mempraktikkan ialah menggunakan pancaindera dan anggota yang ada pada manusia untuk beribadah dan tunduk kepada Allah s.w.t semata-mata dan tidak kepada tuhan-tuhan yang lain.⁸⁸ Ibadah yang dimaksudkan itu termasuklah ibadah yang dilakukan dengan hati seperti kecintaan, pengharapan, taubat, takut dan seumpamanya. Ia juga meliputi ibadah dengan perkataan seperti bertasbih, bertahmid, bertahlil, bertakbir, berdo'a dan seumpamanya. Begitu juga dengan ibadah yang menggunakan perbuatan anggota badan seperti sembahyang, puasa, haji, jihad dan seumpamanya. Termasuk juga ibadah dengan menggunakan harta benda seperti bersedekah. Kesemua ibadah-ibadah tersebut dilakukan dengan penuh keikhlasan semata-mata untuk Allah s.w.t.⁸⁹ Seterusnya Ibn Qayyim menyatakan bahawa kesemua ibadah yang dilakukan itu hendaklah menurut sebagaimana yang telah diajarkan oleh Rasulullah s.a.w tanpa dilakukan sebarang perubahan. Ini adalah kerana sebarang perubahan yang dilakukan bermakna seseorang hamba telah melakukan amalan berbentuk bid'ah. Manakala amalan bid'ah adalah dilarang oleh Rasulullah s.a.w malah ianya boleh menyesatkan.

⁸⁷ Muhd. Hasbi As-Siddieqy, *al-Islam: Pemuntun Bathin Dan Pembimbing Masyarakat*, Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, cet. 2 1956, hal. 107. Lihat juga Sheikh Abd. -Rahman b. Ali Sa'di, *al-Haqq al-Wadih al-Mubin fi Syarh Tauhid al-Anbiyaa wa al-Mursalin min al-Kafiah al-Syafiah*, Dar Ibn Qayyim, cet. 2, 1987, hal. 6.

⁸⁸ Muhammad Naim Yassin, *al-Iman Arkāmu Haqiqatuhu Nawāqiḍuhu*, Kuwait: Maktabah al-Falah, cet. 5, 1987, hal. 17. Lihat juga Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Syarh al-Qasidah al-Nuniah*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, cet. 1, 1986, Juz. 2, hal. 55.

⁸⁹ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Ibid.*, hal. 132.

Ibn Qayyim menyatakan bahawa ibadah berbentuk bid'ah adalah mengikut hawa nafsu bukannya menurut syariat Allah s.w.t. Ia juga bermaksud melakukan ibadah yang tidak diizinkan oleh syariat Allah s.w.t. Oleh sebab itu, Ibn Qayyim menegaskan bahawa ibadah yang dilakukan mestilah menurut peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah dan Rasulullah bagi mengelakkan kita dari terjerumus ke dalam bentuk ibadah yang menurut hawa nafsu dan boleh menyesatkan.⁹⁰

Pandangan Ibn Qayyim tentang persoalan bid'ah ini adalah selari dengan pendapat gurunya Ibn Taimiyyah yang turut menolak amalan bid'ah sebagaimana penulisannya di dalam kitab '*Iqtida' al-Sirāt al-Mustaqim*'. Begitu juga dengan para 'ulama' yang lain seperti Syeikh Muhammad 'Abd. Wahab, Uthman ibn Sa'id al-Darimi dan seumpamanya.⁹¹

Oleh itu peribadatan dalam kontek tauhid *al-Qasdi al-Irādi* hendaklah sebagaimana yang ditunjukkan oleh Allah melalui al-Qur'an serta Sunnah Rasulullah s.a.w dan bukannya amalan-amalan yang berbentuk bid'ah. Oleh sebab itu tauhid ini juga diberi nama tauhid *al-'Ibādah* kerana *uluhiyah* dan 'ibadah mempunyai pengertian yang sama.⁹²

⁹⁰ *Ibid.*

⁹¹ Salih b. Fawzan b. Abdullah al-Fawzan, *Muhadarat fi al-'Aqidah wa al-Da'wah*, Riyadh: Dar al-'Asimah, cet. 1, 1413 H, Juz. 1, hal. 117.

⁹² *Ibid.*, hal. 42.

Seterusnya Ibn Qayyim mengatakan bahawa seseorang yang beriman di tahap tauhid *uluhiyah* bermakna dia sentiasa mengakui bahawa Allah sahajalah tempat ketundukan dan memohon pertolongan oleh hamba-hambanya. Tauhid ini juga menjadi tunjang bagi keimanan seseorang manusia kerana keimanan setakat tauhid *al-'Ilm* atau tauhid *Rububiyyah* adalah tidak memadai bagi seseorang Islam.⁹³ Ibn Qayyim menjelaskan lagi bahawa tauhid ini juga menunjukkan sebab Allah menjadikan alam ini iaitu untuk tunduk dan patuh kepadaNya. Hukuman dosa akan dikenakan kepada sesiapa yang ingkar dan kufur kepadaNya manakala balasan pahala dan kenikmatan pula akan diberikan kepada sesiapa yang tunduk dan patuh kepadaNya.⁹⁴

Menurut Ibn Qayyim lagi, tauhid ini adalah menjadi teras kepada segala jenis tauhid. Oleh sebab itu, antara misi utama para rasul diutuskan oleh Allah s.w.t adalah untuk menjadikan tauhid ini sebagai asas dakwah dan pengajarannya kepada umat manusia.⁹⁵ Ini selaras dengan firman Allah :

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنِ اعْبُدُوا اللَّهَ
وَاجْتَنَبُوا الظَّنْغُوتُ

⁹³ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *op. cit.*

⁹⁴ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Syarh al-Qasidah al-Nuniah*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, cet. 1, 1986, Juz. 2, hal. 132.

⁹⁵ *Ibid.*, hal. 132. Lihat juga Muhammad Naim Yassin, *al-Imān Arkanahu Haqiqatuhu Nawaqiduhu*, Kuwait: Maktabah al-Falah, cet. 5, 1987, hal. 18.

"Terjemahan: Dan sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): "Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah taghut"⁹⁶

Firman Allah lagi :

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ مِنْ رَّسُولٍ إِلَّا نُوحِنَّ إِلَيْهِ
أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا فَاعْبُدُونِ ◇

"Terjemahan: Dan Kami tidak mengutus sebelummu (wahai Muhammad) seseorang Rasul pun melainkan Kami wahikan kepadanya: "Bahaha sesungguhnya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Aku; oleh itu, beribadatlah kamu kepada-Ku".⁹⁷

Ibn Qayyim juga menyatakan bahawa tauhid *Uluhiyyah* ini menjadi pembeza antara golongan muwahhidin dengan musyrikin.⁹⁸ dan pendapat ini adalah sama dengan pendapat Ibn Taimiyah. Di atas aras inilah diberi balasan pahala di dunia dan di akhirat. Sesiapa yang tidak berpegang dengan tauhid ini adalah termasuk ke dalam golongan musyrikin.⁹⁹

⁹⁶ al-Qur'an, *Surah al-Nahl*, 16:36.

⁹⁷ al-Qur'an, *Surah al-Anbiyaa'*, 21: 25.

⁹⁸ Ibn Qayyim al-Jawziyah, *Madārij al-Salikin baina Manāzil Iyyaka Na'budu wa Iyyaka Nasta'in* (tahqiq: Lujnah min al-'ulama' bi Isyraf al-Nasyir), Kaherah: Dār al-Hadīth, Juz. 1, hal. 355.

⁹⁹ Op. cit.

Antara dalil yang dikemukakan oleh Ibn Qayyim ialah firman Allah berikut:

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينَ ④

“Terjemahan: Engkaulah sahaja (Ya Allah) yang kami sembah, dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan”,¹⁰⁰

Dalam menghuraikan ayat ini, Ibn Qayyim menyatakan bahawa ayat (إِيَّاكَ نَعْبُدُ)

adalah bermaksud semua jenis ibadat samada zahir ataupun batin hendaklah ditujukan kepada Allah s.w.t dan ayat (إِيَّاكَ نَسْتَعِينَ) membawa bermaksud tauhid

*Uluhiyah.*¹⁰¹

Seterusnya Ibn Qayyim mengatakan bahawa tauhid ini mempunyai dua asas yang menjadi teras kepada pencapaiannya iaitu ¹⁰²:

a. Keikhlasan :

Ibn Qayyim menyatakan bahawa keikhlasan di sini ialah memberikan hak ketundukan dan keesaan hanyalah kepada Allah s.w.t sahaja. Begitu juga dengan kecintaan sebenar adalah untuk Allah s.w.t semata-mata. Sebarang pekerjaan yang dilakukan

¹⁰⁰ al-Qur'an, *Surah al-Fatiha*, 1:5.

¹⁰¹ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Madarij al-Salikin baina Manazil Iyyaka Na'budu wa Iyyaka Nasta'in*(tahqiq: Lujnah min al-'ulama' bi Isyraf al-Nasyir), Kaherah: Dar al-Hadith, hal. 533.

¹⁰² Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Syarh al-Qasidah al-Numiah*, Kaherah: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, cet. 1, 1986, Juz. 2, hal. 133.

hanyalah bertujuan untuk menyembah Allah s.w.t serta untuk mendapatkan pahala dan keredhaan daripadaNya.¹⁰³ Keikhlasan juga membawa maksud ketundukan yang ditujukan hanya kepada Allah semata-mata dan ianya hendaklah diusahakan hingga sampai ke peringkat *Ihsan* sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w:

عَنْ عُصَرَ رَمِّنَى أَنَّهُ تَسَاءَلَ عَنْهُ أَيْضًا قَالَ بَيْنَمَا نَعْنَجْ جُلُوسُ عِنْدَ
رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلهِ وَسَلَّمَ دَاتَ يَوْمًا إِذْ طَلَّ عَلَيْنَا رَجُلٌ
شَدِيدُ مِيَاضِ الْثَّيَابِ شَدِيدُ سُوَادِ الشَّعْرِ لَا يَرَى عَلَيْهِ
أَثْرًا سَفَرِ وَلَا يَرَى فِيهِ مِنَ الْحَدْحَقَى جَلَسَ إِلَى الْأَنْبَى صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ
وَسَلَّمَ فَأَنْتَدَ رَكْبَتِيهِ إِلَى رَكْبَتِيهِ وَرَوَّصَ كَفَّيْهِ عَلَى فِندَنَيْهِ وَقَالَ:
يَا نَبِيُّ أَخْبِرْنِي عَنِ الْإِنْسَانِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ:
الْأَنْتَ لَرَأَيْتَ أَنْ تَقْهِدَ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ
وَقِيمُ الصَّلَاةِ وَتُؤْتَى الْأَرْكَانُ وَتَصُورُهُ رَمَضَانُ وَتَحْجُجُ الْبَيْتُ
إِنِّي أَسْتَعْنُ إِنِّي سِيلًا قَالَ صَدَقْتَ فَعَجَنْتَ لَهُ نَسَأَلَهُ وَيُصَدِّقُهُ
قَالَ فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْأَنْبِيَانَ قَالَ أَنْ تُؤْمِنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكَتَبِهِ
وَرُسُلِهِ وَالْيَوْمِ الْآتِينِ وَتُؤْمِنَ بِالْفَقْدَرِ حَيَّهُ وَمَرِّهُ قَالَ صَدَقْتَ
قَالَ فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْأَحْمَانِ قَالَ أَنْ تَبْدَأَ اللَّهَ كَيْفَيَةً فَإِنْ أَنْ
تَكُونُ سَرَاهَ كَيْفَيَةً يَسِّرَاهُ قَالَ فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْأَسْعَادِ قَالَ مَا أَنْتُ شُوْلُونَ عَنْهَا
بِأَغَمْ مِنَ السَّائِلِ قَالَ فَأَخْبِرْنِي عَنِ آمَارَاتِهَا قَالَ أَنْ تَكُونَ الْأَمْمَةُ رَجَمَهُ،
وَأَنْ تَرَى الْعَنْقَاءَ الْمُرَسَّأَةَ الْمُرَسَّأَةَ الْمُرَسَّأَةَ الْمُرَسَّأَةَ الْمُرَسَّأَةَ
شَمَّ اَنْطَلَقَ قَلْبَ مَلِيْسَاتُمْ قَالَ يَا عَمَّرُ أَتَذَرِي مَمْ أَلَّا قَلَكُنْتُ
اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْنَلُهُ قَالَ فَإِنَّهُ جِبْرِيلُ أَتَكُوْنُ كَوْدِيْنَكُمْ

¹⁰³ Ibid., hal. 133.

"Terjemahan: Dari 'Umar b. al-Khattab R.A, katanya: Pada suatu hari, dalam masa kami sedang duduk di sisi Rasulullah s.a.w, tiba-tiba muncul kepada kami seorang lelaki, putih melepak pakaianya hitam legam rambutnya, tidak kelihatan padanya tanda-tanda perjalanan (sebagai seorang pengembara), dan tidak seorang dari kami yang mengenalinya (demikianlah halnya) sehingga ia duduk mengadap Nabi s.a.w lalu ia menemukan kedua lututnya kepada kedua lutut Baginda sambil meletakkan kedua tapak tangannya atas kedua pahanya serta berkata: Wahai Muhammad! Berilah tahu kepada kami tentang(dasar) Islam? Maka Rasulullah s.a.w menerangkan: (Dasar-dasar) Islam itu ialah engkau melafazkan kalimah syahadah(meyakini serta menerangkan kebenaran) bahawa sesungguhnya tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, dan bahawa sesungguhnya Nabi Muhammad ialah pesuruh Allah dan engkau mendirikan sembahyang dan memberi zakat serta berpuasa pada bulan Ramadhan dan juga engkau mengerjakan haji ke baitullah jika engkau mampu sampai padanya.(Mendengarkan penerangan Baginda yang demikian) ia berkata: Benarlah apa yang tuan katakan itu. Kata 'Umar: Maka kami merasa hairan terhadap orang itu, ia bertanya kepada Baginda dan ia mengesahkan benarnya(sebagai seorang yang mengetahui perkara yang ditanyakannya itu). Kemudian ia bertanya lagi: Berilah tahu kepadaku tentang Iman? Nabi s.a.w menerangkan: (Iman itu ialah) engkau beriman kepada Allah, Malaikat-malaikatnya, Kitab-kitabnya, Rasul-rasulnya, serta hari akhirat dan engkau beriman kepada taqdir(yang ditentukan oleh Allah) baiknya dan buruknya. (Mendengarkan yang demikian) ia berkata: Benarlah apa yang tuan katakan itu. Kemudian ia bertanya lagi: Berilah tahu kepadaku tentang Ihsan? Nabi s.a.w menerangkan. (Ihsan itu ialah) engkau mengerjakan ibadah kepada Allah seolah-olah engkau melihatnya(memerhatikan keadaannya), kiranya engkau tidak dapat melakukan yang demikian maka ingatlah bahawa Allah tetap melihat keadaanmu. Kemudian orang itu bertanya lagi: (Selain itu) maka beritahulah kepadaku tentang(masa berlakunya) hari kiamat? Nabi s.a.w menjawab: Orang yang ditanyakan mengenai hal itu bukanlah seorang yang lebih mengetahui dari yang bertanya. Jika demikian berilah tahu kepadaku tentang tanda-tanda kedatangan hari kiamat itu? Nabi s.a.w menerangkan:(Tanda-tanda itu ialah engkau dapati) adanya

hamba perempuan yang melahirkan tuannya, dan engkau akan melihat orang-orang(penduduk desa) yang berkaki ayam, yang tidak berpakaian sempurna, yang miskin menderita, yang menjadi gembala kambing bermegah-megah dan berlawan-lawan antara satu dengan yang lain dalam membina bangunan-bangunan yang tinggi. "Umar berkata: Kemudian orang itu pun pergilah, maka tinggallah aku beberapa hari (memikirkan halnya dan hendak mengetahui siapa dia). Kemudian Rasulullah bertanya kepadaku. Sabdanya: Wahai 'Umar! Tahukah engkau siapa orang yang bertanya itu? Aku menjawab: Allah dan RasulNya jualah yang mengetahui. (Pada saat itu) Rasulullah menerangkan: Orang itu ialah Jibril, ia datang untuk mengajar kamu akan agama kamu."¹⁰⁴

Akhirnya Ibn Qayyim menyimpulkan maksud keikhlasan sebagai tidak mempunyai perasaan atau terlintas walau sedikit pun di dalam hati seseorang hamba untuk mensyirikkan Allah s.w.t dengan lain-lain tuhan samada sewaktu beribadah kepadaNya atau di dalam kehidupan sehariannya.¹⁰⁵

Muhammad Na'im Yassin juga mempunyai pendapat yang sama dengan Ibn Qayyim di mana beliau mengatakan bahawa orang-orang yang cintakan sesuatu yang lain sama seperti kecintaannya kepada Allah atau mencintainya lebih daripada ia mencintai Allah adalah termasuk di kalangan orang-orang musyrikin. Beliau seterusnya mengatakan bahawa manusia dari segi semulajadinya memang cintakan kepada sesuatu samada harta benda, diri sendiri, kaum keluarga dan seumpamanya.

¹⁰⁴ Abī Abdullāh b. Ismā'il Ibrāhīm Ibñ al-Mughīrah b. Bardazbih al-Bukhārī al-Jā'fi, *Sahīh al-Bukhārī*, (Kitab al-Imān), Dār al-Fikr, 1981, Juz. 1, hal. 18.

¹⁰⁵ *Op. cit.*, hal. 133-134.

Walau bagaimanapun kecintaan seseorang kepada Allah hendaklah mengatasinya cintanya kepada sesuatu yang lain. Ini bererti kecintaannya kepada Allah tidaklah sampai menghapuskan tabiat semulajadinya.¹⁰⁶

Dalam hubungan ini, Yusuf al-Qardawi menambah bahawa keikhlasan mutlak dalam konteks *uluhiyah* kepada Allah akan tercapai melalui tiga perkara berikut¹⁰⁷:

- i. Tidak menjadikan yang lain dari Allah sebagai Tuhan dengan mengagungkannya sepetimana mengagungkan Allah. Firman Allah s.w.t :

قُلْ أَغَيْرَ اللَّهِ أَبْغَى رَبًا وَهُوَ رَبُّ كُلِّ شَيْءٍ
وَلَا تَكُسِبْ كُلَّ نَفْسٍ إِلَّا عَلَيْهَا

“Terjemahan: Katakanlah: ”(Sesudah aku mentauhidkan Allah dan berserah diri kepada-Nya) patukkah aku mencari Tuhan selain Allah, padahal Dialah Tuhan bagi tiap-tiap sesuatu?”¹⁰⁸

Oleh itu seseorang hamba mesti menghapuskan sebarang tuhan-tuhan lain yang dijadikan sebagai sembahannya samada ia berupa batu atau manusia dan inilah kandungan dakwah Rasulullah s.a.w kepada para pemerintah dan raja-raja sebagaimana firman Allah s.w.t :

¹⁰⁶ Muhammad Na'im Yassin, *al-Imān Arkānuhu Haqīqatuhu Nawāqiduhu*, Kuwait: Maktabah al-Falah, cet. 5, 1987, hal. 20.

¹⁰⁷ Yusuf al-Qardawi, *Haqiqat Tauhid*, Kaherah: Maktabah Wahbah, cet. 7, 1989, hal. 35-41.

¹⁰⁸ al-Qur'an, *Surah al-An'am*, 6: 164.

قُلْ يَأَهْلُ الْكِتَابِ تَعَالَوْا إِلَى كَلِمَةٍ سَرَاءٍ
 بِيَقِنَّا وَبِيَقِنَّكُمْ أَلَا نَعْبُدُ إِلَّا اللَّهُ وَلَا نُشْرِكُ بَهُ
 شَيْئًا وَلَا يَتَّخِذُ بَعْضُنَا بَعْضًا أَرْبَابًا مِنْ دُونِ اللَّهِ

"Terjemahan: Katakanlah (Wahai Muhammad): "Wahai Ahli Kitab, marilah kepada satu kalimah yang bersama-sama antara kami dengan kamu , iaitu kita semua tidak menyembah melainkan Allah, dan kita tidak sekutukan dengan-Nya sesuatu juapun; dan jangan pula sebahagian dari kita mengambil akan sebahagian yang lain untuk dijadikan orang yang dipuja dan didewa-dewakan selain dari Allah".¹⁰⁹

- ii. Tidak mengambil penolong-penolong(wali) selain daripada Allah dan mencintainya seperti mana mencintai Allah sebagaimana firman Allah s.w.t :

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَتَّخِذُ مِنْ دُونِ اللَّهِ أَنْدَادًا يُحِبُّنَاهُمْ
 كَحُبِّ اللَّهِ وَالَّذِينَ ءامَنُوا أَشَدُ حُبًّا لِلَّهِ

"Terjemahan: (Walaupun demikian), ada juga di antara manusia yang mengambil selain dari Allah (untuk menjadi) sekutu-sekutu (Allah), mereka mencintainya, (memuja dan menta'atinya) sebagaimana mereka mencintai Allah, sedang orang yang beriman itu lebih cinta (ta'at) kepada Allah.¹¹⁰

¹⁰⁹ al-Qur'an, Surah Ali-Imrān, 3:64.

¹¹⁰ al-Qur'an, Surah al-Baqarah, 2:165.

- iii. Tidak mencari hakim (penguasa yang menggubal peraturan atau syariat) selain dari Allah s.w.t dan memberikan ketaatan kepadanya sejatinya ketaatan yang diberikan kepada Allah s.w.t.

أَفَغَيْرُ اللَّهِ أَبْسَطُ حِكْمًا وَهُوَ الَّذِي أَنْزَلَ إِلَيْكُمْ
الْكِتَابَ مُفَصَّلًا

“Terjemahan: (Katakanlah wahai Muhammad): "Patutkah aku (terpedaya dengan kata-kata dusta syaitan-syaitan itu sehingga aku) hendak mencari hakim selain dari Allah, padahal Dialah yang menurunkan kepada kamu Kitab Al-Qur'an yang jelas nyata kandungannya satu persatu (tentang yang benar dan yang salah)?”¹¹¹

Dalam hubungan ini, Allah s.w.t menegaskan bahawa hak penggubal undang-undang adalah milikNya semata-mata sebagaimana firmanNya¹¹²:

إِنَّ الْحُكْمَ إِلَّا لِلَّهِ أَمْرٌ لَا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ ذَلِكَ
الَّذِينَ الْقَيْمُولَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ◎

“Terjemahan: Sebenarnya hukum (yang menentukan amal ibadat) hanyalah bagi Allah. Ia memerintahkan supaya kamu jangan menyembah melainkan Dia. Yang demikian itulah Agama yang betul, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.”¹¹³

¹¹¹ al-Qur'an, *Surah al-An'am*, 6:114.

¹¹² Yusuf al-Qardawi, *op. cit.*, hal. 38.

¹¹³ al-Qur'an, *Surah Yusuf*, 12: 40.

Dengan ini, penulis menyimpulkan bahawa keikhlasan ialah memberikan ketundukan yang mutlak hanya kepada Allah s.w.t semata-mata dengan tidak mengangkat yang lain sebagai sembahana serta menjadikan Allah s.w.t sahaja tempat pergantungan dan meminta pertolongan. Maka tiada wali-wali yang lain selain dari Allah s.w.t. Ini bermakna setiap peribadatan dilakukan hanya kerana Allah s.w.t semata-mata dan tidak mempunyai tujuan yang lain.

b. Kebenaran

Kebenaran di sini maksudnya ialah mentauhidkan Allah dengan menurut kehendak dan peraturan-peraturanNya sebagaimana yang telah diajarkan oleh para Rasul-rasul tanpa melakukan sebarang perubahan samada penambahan atau pengurangan terhadap ajaran-ajaran tersebut.¹¹⁴ Seterusnya mengakui dan membenarkan bahawa Allah sahajalah Tuhan Yang Maha Esa dalam semua keadaan yang dilalui oleh manusia. Pengakuan keesaan Allah itu pula dilakukan dengan kehendak manusia sendiri. Oleh itu, Ibn Qayyim juga menamakan ciri kebenaran ini dengan nama tauhid *al-Iradah*.¹¹⁵ Antara dalil yang dikemukakan oleh Ibn Qayyim ialah firman Allah berikut :

”
وَمَنْ أَحَسِنَ دِينًا مِّنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ
وَاتَّبَعَ مِلَةَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَاتَّخَذَ اللَّهَ إِبْرَاهِيمَ خَلِيلًا ◎

¹¹⁴ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Syarh al-Qasidah al-Nuniah*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, cet.1, 1986, Juz. 2, hal. 134.

¹¹⁵ *Ibid.*

“Terjemahan: Dan tidak ada yang lebih baik agamanya daripada orang yang menyerahkan dirinya kepada Allah (dengan ikhlas), sedang ia berusaha mengerjakan kebaikan, dan ia pula mengikut agama Nabi Ibrahim yang lurus (yang tetap di atas dasar tauhid); dan (kerana itulah) Allah menjadikan Nabi Ibrahim kesayangan-Nya.”¹¹⁶

Firman Allah s.w.t lagi :

وَمَن يُسْلِمْ وَجْهَهُ إِلَى اللَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ فَقَدْ
أَسْتَمْسَكَ بِالْعُرُوهَ الْوُثْقَىٰ وَإِلَى اللَّهِ عَاقِبَةٌ
• الْأَمْرُ

“Terjemahan: Dan sesiapa yang berserah diri bulat-bulat kepada Allah (dengan ikhlas) sedang ia berusaha mengerjakan kebaikan, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh, dan (ingatlah) kepada Allah jualah kesudahan segala urusan.”¹¹⁷

Berdasarkan ayat-ayat di atas, Ibn Qayyim mengatakan bahawa bukti kepatuhan dan ketundukan seseorang hamba kepada Allah s.w.t ialah dengan mematuhi dan melakukan segala suruhan dan perintahNya iaitu syariat dan peraturan yang telah disampaikan oleh Rasul-rasulNya. Oleh itu sesiapa yang tidak membenarkan keesaaan Allah menurut sebagaimana yang diperintahkan, maka mereka itu telah mengikuti hawa nafsu dan kehendak syaitan yang sudah semestinya menyesatkan mereka.¹¹⁸

¹¹⁶ al-Qur'an, *Surah al-Nisā'*, 4:125.

¹¹⁷ al-Qur'an, *Surah Luqmān*, 31:22.

¹¹⁸ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *op. cit.*, hal. 138.

Menurut Ibn Qayyim lagi, ketatan yang sebenar-benar kepada Allah juga memerlukan seseorang itu mengkufuri *tagħħut* kerana ianya boleh menyimpangkan manusia dari jalan kebenaran sebagaimana yang telah ditunjukkan oleh Allah dan RasulNya.¹¹⁹ Ini dinyatakan di dalam firman Allah s.w.t:

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنْ أَعْبُدُوا اللَّهَ
وَاجْتَنَبُوا الظَّالِمَاتِ فَمِنْهُمْ مَنْ هَدَى اللَّهُ وَمِنْهُمْ
مَنْ حَقَّتْ عَلَيْهِ الْضَّلَالَةُ فَسَيِّرُوا فِي الْأَرْضِ فَانْظُرُوا
كَيْفَ كَانَ عَيْنَةُ الْمُكَذِّبِينَ ◉

“Terjemahan: Dan sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): “Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah Tagħut””¹²⁰

4.4 Perkara-perkara Yang Membatalkan Tauhid

Seterusnya penulis akan membincangkan perkara-perkara yang membatalkan tauhid di mana jika dilakukan perkara-perkara tersebut akan menyebabkan seseorang itu murtad atau terbatal syahadahnya. Perbincangan penulis akan tertumpu kepada keingkaran terhadap tauhid *al-Ilm*, tauhid *al-Qasdi* *al-Irādi* serta keingkaran terhadap para Rasul. Penulis mengambil kira keingkaran terhadap para Rasul dalam

¹¹⁹ Ibn Qayyim mengatakan bahawa *tagħħut* ialah setiap apa yang dilakukan oleh seseorang dengan melampaui batasannya samada sesuatu yang disembah, diikuti atau ditaati. Manakala *tagħħut* bagi tiap-tiap kaum pula ialah sesuatu yang dihakimkan selain kepada Allah dan RasulNya. *Ibid.*, hal. 41.

¹²⁰ al-Qur'an, Surah *an-Nahl*, 16:36.

perbincangan ini berdasarkan peranan Rasul sebagai utusan Allah s.w.t yang mengajar manusia bagaimana untuk beriman kepada Allah s.w.t seperti yang dikehendaki olehNya. Oleh itu jika para Rasul ditentang atau ajaran yang dibawanya ditolak maka cara peribadatan dan penyembahan akan menyeleweng dari landasan yang sebenar dan seterusnya boleh membawa kepada syirik.

4.4.1 Keingkaran dan Penentangan Terhadap Tauhid *al-'Ilm*

Keingkaran terhadap tauhid *al-'Ilm* boleh dibahagi kepada dua iaitu keingkaran terhadap tauhid *Rububiyyah* dan keingkaran terhadap tauhid *Asmā' wa al-Sifat*. Menurut Ibn Qayyim keingkaran terhadap tauhid *Rububiyyah* ialah mempercayai terdapat Tuhan yang lain selain daripada Allah s.w.t. Contohnya orang-orang Kristian mempercayai konsep triniti iaitu tiga tuhan, orang-orang Majusi yang mempercayai berlakunya kebaikan bergantung kepada cahaya manakala berlakunya kejahatan bergantung kepada kegelapan. Termasuk juga dalam kategori syirik ini ialah mereka yang mempercayai matahari serta segala planet di angkasa sebagai tuhan-tuhan mereka.¹²¹ Selain dari itu, Ibn Qayyim mengatakan golongan Qadariyyah juga termasuk di dalam syirik ini kerana mereka menyatakan bahawa segala kejadian yang berlaku di alam ini adalah disebabkan oleh perbuatan manusia

¹²¹ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *al-Jawab al-Kafi Liman Sa'ala 'an al-Dawa'*, *al-Syafi'i*, Tahqiq: Muhammad Jamil Ghazi, Qaherah: Matba'ah al-Madani, cet. 2, 1989, hal. 162. Lihat juga Muhammad Uwais al-Nadwi, *al-Tafsir ăl-Qayyim lil Imam Ibn al-Qayyim*(Tahqiq: Muhammad Hamid al-Faqi), Qaherah: Matba'ah al-Sunnah al-Muhammadiyah, 1949, hal. 53.

sendiri. Oleh itu mereka tidak percaya bahawa segala yang berlaku adalah di atas kehendak dan kekuasaan Allah.¹²²

Ibn Qayyim juga menyatakan bahawa antara perbuatan yang boleh dikategorikan sebagai tidak mengagungkan Allah dan seterusnya membawa kepada keingkaran terhadap tauhid *Rububiyyah* juga ialah mengatakan bahawa Allah tidak mengutuskan para Rasul serta tidak menurunkan kitab-kitab kepada makhluknya. Dengan berbuat demikian bermakna menuduh Allah mensia-siakan makhluk dan tidak memberikan perhatian kepada mereka di dunia. Tuduhan seumpama ini bererti meletakkan sesuatu yang amat tidak layak bagi Allah.¹²³

Seterusnya keingkaran terhadap tauhid *Asma' wa al-Sifat* menurut Ibn Qayyim ialah mengingkari Allah mempunyai nama-nama dan sifat-sifat yang baik dan sempurna. Ianya termasuk dalam syirik *ta'til* iaitu membuat perasanca buruk terhadap Allah s.w.t. Contohnya membuat andaian bahawa Allah tidak mengetahui setengah-setengah perkara kerana menganggap ianya di luar dari pengetahuan Allah s.w.t. Ianya mengurangkan sifat-sifat kesempurnaan Allah s.w.t.¹²⁴ Syirik *ta'til* ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu:¹²⁵

¹²² *Ibid.*

¹²³ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *al-Jawab al-Kafi Liman Sa'ala 'an al-Dawa'* al-Syāfi'i, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, cet. 1, 1987, hal. 164.

¹²⁴ Abd. Aziz b. Muhammad b. 'Ali Abd al-Latiff, *Nawāqidh al-Iman al-Qauliyyah wa al-'Amaliyyah*, al-Riyadh: Dār al-Waṭan, cet. 2, 1415 H, hal. 125.

¹²⁵ *Op. cit.*, hal. 151 - 152.

- i. Mengingkari adanya Allah selaku pencipta 'alam semesta ini.
- ii. Mengingkari Allah Maha Sempurna keadaanNya samada pada namaNya, sifatNya dan perbuatanNya.
- iii. Mengingkari perlunya berhubung(*bermu'amalah*) dengan Allah.

Contoh perbuatan syirik ini ialah seperti perbuatan Fir'aun yang bertanyakan Nabi Musa tentang siapakah Tuhan bagi sekalian 'alam ini sebagaimana yang dirakamkan oleh Allah di dalam al-Qur'an iaitu¹²⁶:

قَالَ فِرْعَوْنُ وَمَا رَبُّ الْعَالَمِينَ ◇

"Terjemahan: Firaun berkata (dengan sombongnya): "Dan siapakah dia Tuhan sekalian alam itu?"¹²⁷

Ayat di atas menunjukkan bahawa Fir'aun mengenepikan peranan Allah dalam menjaga alam semesta ini. Dengan pertanyaan tersebut seolah-olah Fir'aun menganggap peranan tersebut tidak dijalankan oleh Allah sehingga menyebabkan beliau bertanya mengenaiNya apabila diberitahu oleh Nabi Musa tentang Allah S.w.t.¹²⁸

¹²⁶ *Ibid.*

¹²⁷ al-Qur'an, *Surah al-Syū'ara*, 26:23.

¹²⁸ Sheikh Sulaiman b. Abdullah b. Muhammad b. Abd. Wahab, *Taisir al-'Aziz al-Hamid fi Syarh Kitab al-Tauhid*, Beirut: al-Maktab al-Islami, cet. 5, 1402 H, hal. 43. Lihat juga Abd. Aziz Mohd. Zain, *Syirik*, Ampang: PAM Publishing, cet. 2, 1991, hal. 27.

Muhammad Na'im Yassin juga sependapat dengan Ibn Qayyim bahawa syirik ini adalah menafikan sifat-sifat *Ulūhiyyah* Allah s.w.t dan mengingkari adanya sifat tersebut pada Allah seperti menafikan sifat-sifat kesempurnaan Allah s.w.t. Dalam erti kata yang lain ianya bermaksud mengingkari nama-nama dan sifat-sifat Allah serta menafikan adanya hubungan antara manusia dengan Allah. Ini bermakna manusia tidak perlu beribadah kepada Allah.¹²⁹

Bagi Ibn Qayyim syirik jenis ini adalah merupakan seburuk-buruk syirik kerana punca bagi segala syirik adalah bermula dari syirik jenis ini.¹³⁰ Ini adalah kerana ia menafikan tauhid *Asmā' wa al-Sifat* dan seterusnya membawa kepada keingkaran terhadap tauhid *Ulūhiyyah*. Secara khusus, Ibn Qayyim menyenaraikan beberapa aliran yang tergolong melakukan syirik *ta'yi* iaitu golongan *wihdatul wujud* yang menyatakan tidak ada perbezaan antara makhluk dengan *Khaliq*, golongan *mulhid* yang mengatakan alam ini bersifat *qadim* dan kekal abadi, tidak ada permulaan dan tidak ada kesudahan. Begitu juga dengan golongan *Jahmiyyah* dan *Qaramītah* yang ingkar terhadap nama-nama dan sifat-sifat Allah bahkan mengatakan makhluk lebih sempurna daripada *Khaliq* kerana menurut mereka dhat Allah tidak sempurna kecuali dengan adanya nama-namaNya dan sifat-sifatNya.¹³¹

¹²⁹ Muhammad Na'im Yassin, *al-Imān Arkanhu Haqiqatuhu Nawāqiduhu*, Kuwait: Maktabah al-Falah, cet. 5, 1987, hal. 27.

¹³⁰ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *al-Jawab al-Kāfi Limā Sa'alā 'an al-Dawā' al-Syāfi*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, cet. 1, 1987, hal. 153.

¹³¹ *Ibid.*

Untuk lebih terperinci, Ibn Qayyim turut menyenaraikan beberapa perbuatan yang dianggap mensyirikkan Allah dari segi tauhid *Asmā' wa al-Sifat* iaitu¹³²:

- i. Mengingkari nama-nama Allah dan huraian terhadap nama-nama tersebut.
- ii. Menganggap nama-nama Allah sebagai tidak ada dan seterusnya menolak secara keseluruhan nama-nama tersebut.
- iii. Menyamakan nama-nama dan sifat-sifat Allah dengan nama-nama dan sifat-sifat makhluk.
- iv. Mengingkari sifat-sifat Allah sebagaimana keingkaran terhadap nama-nama Allah.

¹³² IbnTaimiyyah telah membahagikan '*Ihhad*' atau penyelewengan terhadap tauhid *Asma' wa al-Sifat* kepada lima bahagian iaitu:

- i. Memberi nama Allah dengan sesuatu yang tidak layak bagi kemuliaan dan keagungan Allah seperti mana orang-orang Nasrani memanggilNya dengan 'bapa'.
- ii. Memberi nama kepadaNya sebagaimana nama yang diberikan kepada makhluk seperti mana orang-orang musyrikin menamakanNya dengan '*al-Lata*' yang diambil dari kalimah '*al-'Ilah*' atau '*al-'Uzza*' yang diambil dari kalimah '*al-'Aziz*'.
- iii. Menyifatkan Allah dengan sesuatu yang amat mustahil bagi Allah dan sifat-sifatNya seperti mana kata-kata orang Yahudi bahawa 'Sesungguhnya Allah itu fakir'.
- iv. Meniadakan nama-nama Allah dari apa yang dimaksudkannya dan menolak hakikat nama tersebut secara keseluruhannya. Contohnya mengatakan nama-nama Allah hanyalah lafadz yang tidak mengandungi sebarang makna dan sifat.
- v. Menyamakan sifat-sifat Allah dengan sifat-sifat makhluk.

Lihat Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Mukhtasar al-Sawa'iq al-Mursalah 'ala al-Jahmiyyah wa al-Mu'attilah*(Tahqiq: Sayyid Ibrahim), Qaherah: Dār al-Hadith, cet. 1, 1992, Juz. 2, hal. 342. Lihat juga, Abdul Aziz Muhammad Salman, *al-As'ilah wa al-Ajwibah al-Usuliyyah 'ala al-'Aqidah al-Wasitiyyah*, Riyad: Maktabah al-Riyadh al-Hadithah, cet. 7, 1975, hal. 51-52. Lihat juga Soleh b. Fawzan b. Abdullah al-Fawzan, *Syarh al-'Aqidah al-Wasitiyyah*, Riyad: Maktabah Dār al-Salam, cet. 1, 1994, hal. 18.

Sehubungan dengan itu, Ibn Qayyim al-Jawziyyah telah menyenaraikan beberapa aliran pemikiran yang turut ingkar terhadap tauhid *Asma' wa al-Sifat* iaitu¹³³:

- i. *Falasifah* kerana ingkar terhadap sifat-sifat kesempurnaan Allah s.w.t.
- ii. *Jahmiyyah* juga turut ingkar terhadap sifat-sifat kesempurnaan Allah.
- iii. *Qadariyah* iaitu golongan yang beri'tiqad bahawa semua perbuatan yang dilakukan oleh manusia samada baik atau buruk adalah dijadikan oleh manusia sendiri bukannya dibuat dan dijadikan oleh Allah. Mereka beri'tiqad dan mempercayai bahawa manusia berkuasa penuh melakukan segala urusan dan pekerjaannya sehari-hari.
- iv. *Jabariyah* iaitu golongan yang beri'tiqad bahawa manusia tidak mempunyai daya usaha dan menganggap segala perbuatannya adalah dijadikan oleh Allah s.w.t.

Oleh itu dapat disimpulkan bahawa ingkar terhadap tauhid *al-'Ilm* merangkumi segala perbuatan dan kepercayaan yang menyengutkan Allah s.w.t dengan tuhan-tuhan atau kuasa-kuasa lain di dalam menjadikan alam ini. Ini bererti menafikan tauhid *Rububiyyah* dan juga menafikan sifat-sifat keagungan Allah iaitu mengingkari tauhid *Asma' wa al-Sifat*.

¹³³ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Mukhtasar al-Sawaiq al-Mursalah 'ala al-Jahmiyyah wa al-Mu'attilah*, Juz. 1, hal. 132 -133.

4.4.2 Keingkaran dan Penentangan Terhadap Tauhid *Al-Qasdi al-Irādī* (Tauhid *Ulūhiyyah*)

Menurut Ibn Qayyim, keingkaran dan penentangan terhadap tauhid *al-Qasdi al-Irādī* boleh menjelaskan keimanan seseorang. Ini disebabkan mereka menyamakan Allah dengan manusia atau makhluk lain dalam kecintaan dan ketundukan hingga menyebabkan mereka mencintai manusia atau makhluk lain sebagaimana mereka mencintai Allah s.w.t. Dari segi peribadatan pula mereka telah menyengutukan Allah s.w.t dengan menyembah tuhan-tuhan mereka selain dari Allah. Walaupun demikian, mereka masih tetap mengakui bahawa Allah yang menjadikan, memberikan rezeki, memiliki kerajaan dan menjaga kehidupan di dunia ini tetapi perbuatan mereka yang menyamakan dan menyengutukan Allah ini telah membawa kepada syirik besar. Sesungguhnya Maha Suci Allah yang tidak boleh sama sekali disamakan dengan makhluk dalam segala aspek kerana Allah adalah Tuhan yang Maha Berkua sedangkan makhluk adalah hamba yang lemah. Oleh itu bagaimana mungkin untuk menyamakan kecintaan kepada Allah dengan kecintaan kepada makhluk atau manusia.¹³⁴ Firman Allah berikut menjelaskan hakikat ini,

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَجَعَلَ
الظُّلْمَاتِ وَالنُّورَ ثُمَّ الَّذِينَ كَفَرُوا بِرَبِّهِمْ
يَعْدِلُونَ ◎

¹³⁴ *Ibid.*, hal. 164.

“Terjemahan: Segala puji tertentu bagi Allah yang menciptakan langit dan bumi, dan menjadikan gelap dan terang; dalam pada itu, orang kafir menyamakan (sesuatu yang lain) dengan Tuhan mereka.”¹³⁵

Firman Allah lagi,

تَالَّهُ إِنْ كُنَّا لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ◎
إِذْ نُسَوِّيْكُم بِرَبِّ الْعَالَمِينَ ◎

“Terjemahan: Demi Allah! Sesungguhnya kami (semasa di dunia dahulu) adalah di dalam kesesatan yang jelas nyata, kerana kami menyamakan kamu dengan Tuhan sekalian alam.”¹³⁶

Dalam menghuraikan ayat ini, Ibn Qayyim menyatakan bahawa golongan terdahulu dianggap melakukan perbuatan syirik terhadap Allah kerana mereka menyamakan tuhan-tuhan(berhala-berhala) mereka dengan Allah s.w.t dari aspek kecintaan, keagungan dan penyembahan. Walaubagaimanapun mereka masih mengakui Allah sebagai Tuhan Yang Maha Esa dan mentadbirkan alam semesta. Contohnya mereka membesarkan pemujaan-pemujaan kubur, orang-orang mati, beribadat kepada taghut, kasihkan berhala sepertimana orang-orang mu'min kasihkan Allah, memuja fikiran pemimpin-pemimpin mereka lebih dari syari'at Allah, menyembah berhala dan manusia.¹³⁷

¹³⁵ al-Qur'an, *Surah al-An'am*, 6:1.

¹³⁶ al-Qur'an, *Surah al-Syū'ara'*, 26:97-98.

¹³⁷ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Madārij al-Salikin baina Mañazil Iyyaka Na'budu wa Iyyaka Nasta'in*, Qaherah: Dār al-Hadith, t.t., Juz. 1, hal. 368-369.

Selanjutnya, Ibn Qayyim menyatakan bahawa orang-orang musyrikin adalah sebodoh-bodoh manusia kerana menjadikan makhluk ciptaan Allah sebagai sekutu Allah. Orang-orang musyrikin ini menganggap diri mereka sebenarnya mengagungkan Allah dengan menggunakan perantaraan iaitu dengan menyembah tuhan-tuhan mereka sebagai cara untuk mendekatkan diri kepadaNya. Alasan mereka ialah kononnya tidak wajar bagi seorang rakyat biasa untuk berhubung terus dengan rajanya tanpa melalui sebarang perantaraan.¹³⁸ Jelas ditunjukkan di sini bahawa orang-orang musyrikin ini hanya mengemukakan alasan yang batil yang sengaja direka-reka.

Dalam konteks ini juga Ibn Qayyim membawa contoh larangan Rasulullah s.a.w supaya umat Islam tidak mengerjakan sembahyang sunat ketika matahari terbit dan terbenam adalah untuk mengelakkan daripada terbukanya jalan menyerupai orang-orang yang menyembah matahari kerana mereka sujud kepadanya pada ketika itu. Larangan ini bertujuan untuk menjaga kemurniaan tauhid *al-Qasdi al-Irādi*.¹³⁹

Oleh itu dapat disimpulkan bahawa segala perbuatan dalam bentuk peribadatan, penyembahan atau ketundukan kepada sesuatu yang lain selain daripada Allah adalah dianggap menyengutkan Allah dari segi tauhid *al-Qasdi a-Irādi(Uluhiyyah)* atau tauhid *al-'Ibadah*. Perbuatan ini juga termasuk menyamakan Allah dengan sesuatu yang lain dari segi kecintaan dan keutamaan.

¹³⁸ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *al-Jawab al-Kāfi Liman Sa'ala 'an al-Dawa'* al-Syāfi, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, cet. 1, 1987, hal. 151-152.

¹³⁹ *Ibid.*, hal. 157.

4.4.3 Keingkaran Terhadap Rasul-rasul Allah dan Ajaran Yang dibawanya

Menurut Ibn Qayyim al-Jawziyyah, beriman kepada Rasul-rasul adalah merupakan jalan untuk mencari kebahagiaan dan kesenangan hidup di dunia dan di akhirat kerana melalui ajaran yang disampaikannya manusia diberitahu jalan-jalan ke arah kebaikan dan kejahanan. Taat dan mematuhi ajaran Rasul juga menjadi tanda kecintaan seseorang itu kepada Allah s.w.t.¹⁴⁰

Oleh itu, menurut Ibn Qayyim lagi, sesiapa yang mengingkari risalah kerasulan bermakna mereka juga tidak mengenal dan tidak mengagungkan Allah s.w.t iaitu Tuhan yang menurunkan wahyu kepada Rasul-rasulNya. Perutusan Rasul-rasul adalah merupakan tanda-tanda yang menunjukkan kesempurnaan Allah s.w.t.¹⁴¹

Ibn Qayyim juga menyatakan sesiapa yang ingkar kepada ajaran Rasul-rasul dan ingkar kepada perutusan Nabi Muhammad s.a.w sebagai Rasul yang terakhir maka gugurlah imannya. Disamping itu, Ibn Qayyim turut mengemukakan hujjah-hujjah berikut yang menyokong pendapatnya yang mengatakan keingkaran kepada ajaran Nabi Muhammad s.a.w boleh menggugurkan iman seseorang Muslim:¹⁴²

¹⁴⁰ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Madarij al-Salikin baina Manazil Iyyaka Na'budu wa Iyyaka Nasta'in*, Tahqiq: Lujnah min 'ulama' bi Isyraf al-Nasyir, al-Qahirah: Dar al-Hadith, t.t., Juz. 1, hal. 112-113.

¹⁴¹ *Ibid.*, hal. 112.

¹⁴² Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Hidayah al-Hgyara fi Ajwibah al-Yahud wa al-Nasara*, Tahqiq: Muhammad Ahmad al-Haj, Damsyik: Dar al-Qalam, cet. 1, 1996, hal. 577.

- i. Nabi-nabi yang terdahulu telah menyatakan akan dibangkitkan seorang Rasul yang terakhir iaitu Nabi Muhammad s.a.w dan jika mereka masih hidup zaman tersebut, mereka pasti akan beriman dan mengikuti ajaran Nabi Muhammad s.a.w.
- ii. Ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad merangkumi keseluruhan ajaran Nabi-nabi dan Rasul-rasul yang sebelumnya. Oleh itu sesiapa yang ingkar dan mendustakan ajaran Nabi Muhammad s.a.w, bermakna mereka juga ingkar terhadap ajaran Rasul-rasul yang terdahulu.

Dalam huraianya seterusnya, Ibn Qayyim telah membahagikan keingkaran kepada ajaran-ajaran Rasul kepada beberapa bahagian iaitu:¹⁴³

- i. Kufur *takdhib* iaitu yakin bahawa ajaran-ajaran yang dibawa oleh para Rasul adalah dusta. Contoh yang diberikan oleh Ibn Qayyim ialah kekuatan Fir'aun yang mendustakan ajaran Nabi Musa seperti di dalam firman Allah s.w.t:

فَلَمَّا جَاءَتْهُمْ مَا أَيْسَنَا مُبَصِّرَةً قَالُوا هَذَا سِحْرٌ
مُّبِينٌ ④

Terjemahan : "Maka tatkala keterangan-keterangan mukjizat Kami sampai kepada Firaun dan kaumnya dengan jelas nyata, berkatalah mereka: "Ini adalah sihir yang terang nyata!""¹⁴⁴

¹⁴³ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Madārij al-Salikin baina Mañazil Iyyaka Na'bdu wa Iyyaka Nasta'in*, Juz. 1, hal. 366 - 367.

¹⁴⁴ Al-Qur'an, *An-Naml*, 27: 14.

- ii. Kufur *iba'* dan *istikbar* iaitu seseorang yang menentang ajaran Allah dan Rasul-rasulNya kerana sifat angkuh dan somborg. Disebabkan oleh keangkuhan dan kesombongan, iblis dan Fir'aun yang tidak mentaati Allah dan RasulNya seperti yang disebutkan di dalam firman Allah:

إِلَىٰ فِرْعَوْنَ وَمَلَائِكَتَهُ فَأَسْتَكْبَرُوا وَكَانُوا قَوْمًا

عَالِيَّنَ ◎

فَقَالُوا أَنْزُمْنَا بَشَرَيْنِ مِثْلَنَا وَقَوْمَهُمَا لَنَا

عَبْدُونَ ◎

Terjemahan : "Kepada Firaun dan kaumnya; lalu mereka menentang (seruan Nabi-nabi Allah itu) dengan somborg takbur, serta menjadi kaum yang membesar diri -Sehingga mereka berkata (dengan angkuhnya): "Patutkah kita beriman kepada dua manusia seperti kita, sedang kaum mereka menjadi orang suruhan kita?"¹⁴⁵

- iii. Kufur *i'rād* iaitu tidak menghiraukan sama-sekali ajaran yang dibawa oleh para Rasul.
- iv. Kufur *syak* iaitu meragui ajaran yang dibawa oleh para Rasul.
- v. Kufur *nifāk* iaitu menyatakan keimanan hanya pada lidah tetapi mendustakan ajaran yang dibawa oleh para Rasul pada hatinya.
- vi. Kufur *juhud*. Kufur ini dibahagikan kepada dua jenis iaitu kufur *juhud mutlak* dan kufur *kasyf muqayyad*. Kufur *juhud mutlak* ialah mengingkari secara keseluruhan perintah Allah dan ajaran yang dibawa oleh para RasulNya.

¹⁴⁵ Al-Qur'an, Surah al-Mukminuun, 23 : 46 – 47.

Manakala kufur *kasyf miqayyad* ialah ingkar terhadap sebahagian daripada perintah Allah s.w.t dan ajaran yang disampaikan oleh para RasulNya.

Ibn Qayyim juga mengatakan bahawa jika seseorang melakukan salah satu daripada jenis-jenis kekufuran yang disebutkan di atas kerana tidak mengetahui maka ianya tidak akan menjelaskan imannya. Akan tetapi, jika ianya dilakukan dengan sengaja sedangkan seseorang itu mengetahui atau sedar, maka ini boleh membatalkan tauhidnya dan seterusnya mengakibatkannya menjadi kafir atau disebut kufur *akbar*.¹⁴⁶

Dari penjelasan yang diberikan dapat disimpulkan bahawa Ibn Qayyim mempunyai pandangan yang selari dengan para ulama salaf yang lain. Mereka sepakat mengatakan bahawa keingkaran kepada jenis-jenis tauhid yang dibincangkan iaitu tauhid *al-'Ilm* dan tauhid *al-Qasdi al-Irādī* boleh menggugurkan keimanan seseorang Muslim. Walaubagaimanapun Ibn Qayyim menambah bahawa keingkaran kepada para Rasul serta ajaran yang dibawanya termasuk kedalam perkara yang boleh membatalkan tauhid seseorang Muslim.

¹⁴⁶ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *op. cit.*, hal. 367.

4.5 Kesimpulan

Dari keseluruhan perbincangan tentang tauhid, penulis merumuskan bahawa pandangan Ibn Qayyim tentang tauhid adalah sama dengan pandangan gurunya Ibn Taimiyyah dan juga Syeikh Muhammad 'Abd. Wahab. Apa yang membezakan antara mereka ini hanyalah dari segi pembahagian tauhid sahaja. Ibn Taimiyyah membahagikan tauhid kepada tiga iaitu tauhid *Rububiyyah*, tauhid *Ulhiyyah* dan tauhid *al-Asma' wa al-Sifat*. Begitu juga dengan Syeikh Muhammad 'Abd. Wahab. Manakala Ibn Qayyim membahagikan tauhid kepada dua pembahagian sahaja iaitu tauhid *al-'Ilm* dan tauhid *al-Qasdi al-Irad*. Sekalipun Ibn Qayyim membahagikan tauhid kepada dua sahaja tetapi ianya tetap merangkumi ketiga-tiga tauhid sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini.

Menurut Ibn Qayyim, kedua-dua jenis tauhid iaitu tauhid *al-'Ilm* dan tauhid *al-Qasdi al-Irad* adalah penting kerana ianya boleh memandu kehidupan seseorang muslim di dunia ini. Oleh itu, ianya boleh mengelakkan penyelewengan 'aqidah seseorang muslim dari landasan sebenar.¹⁴⁷ Kepentingan tauhid ini jelas dapat dilihat daripada penekanan al-Qur'an sendiri yang menyebutkan tentang kekuasaanNya, nama-nama dan sifat-sifatNya serta menyeru manusia agar tunduk dan patuh kepadaNya tanpa adanya perbuatan syirik.¹⁴⁸

¹⁴⁷ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Madarij al-Salikin baina Manazil Iyyaka Na'budu wa Iyyaka Nasta'in*, Juz. 3, hal. 497.

¹⁴⁸ *Ibid.*, hal. 468.

Oleh itu, dapat disimpulkan juga bahawa tauhid *al-Qasdi* *al-Irādi* atau tauhid *Ulūhiyyah* boleh menjadi benteng dari terlibat dengan amalan syirik dan ini adalah penting di dalam kehidupan seorang Muslim. Dari perbincangan yang diberikan juga dapat disimpulkan bahawa tauhid *Ulūhiyyah* juga merangkumi tauhid *al-'Ilm* yang terdiri daripada tauhid *Rububiyyah* dan tauhid *Asmā' wa al-Sifat*. Ini adalah kerana apabila seseorang itu beriman dengan tauhid *Ulūhiyyah*, di mana ketundukan dan penyembahannya hanya kepada Allah s.w.t sahaja, bermakna beliau mengakui Allah sebagai *Rabb* iaitu Tuhan yang mencipta alam ini atau tauhid *Rububiyyah*. Oleh yang demikian dengan secara langsung beliau beriman dengan sifat-sifat kebesaran Allah seperti yang dimaksudkan oleh tauhid *al-Asmā' wa al-Sifat*. Sebaliknya jika seseorang itu beriman pada tahap tauhid *al-'Ilm* sahaja maka ini tidak meliputi tauhid *Ulūhiyyah* atau tauhid *al-Qasdi* *al-Irādi* kerana penyembahan dan ketundukannya masih tidak ditujukan sepenuhnya kepada Allah s.w.t. Oleh itu masih terdapat persamaan dengan orang-orang bukan Islam yang mana mereka percaya pencipta alam ini ialah Allah s.w.t tetapi penyembahan dan ketundukannya tidak kepadaNya.¹⁴⁹

Menurut Ibn Qayyim, keingkaran dan penentangan terhadap tauhid boleh menyebabkan seseorang itu dianggap terkeluar dari agama Islam. Oleh sebab itulah

¹⁴⁹ Soleh b. Fawzan b. Abdullah al-Fawzan, *Muhadarat fi al-'Aqidah wa al-Da'wah*, Riyadh: Dar al-'Asimah, cet. 1, 1412 H, Juz. 1, hal. 45.

orang yang melakukannya diharamkan oleh Allah dari memasuki syurgaNya.¹⁵⁰

Dalilnya firman Allah berikut,

إِنَّهُ مَنْ يُشْرِكُ بِاللَّهِ فَقَدْ حَرَمَ اللَّهَ عَلَيْهِ الْجَنَّةَ
وَمَا أَوَّلَتْهُ الْنَّارُ وَمَا لِلظَّالِمِينَ مِنْ أَنصَارٍ ۝

“Terjemahan: Bahwasanya sesiapa yang mempersekuatkan Allah dengan sesuatu yang lain, maka sesungguhnya Allah haramkan kepadanya Syurga, dan tempat kembalinya ialah neraka; dan tiadalah seorang penolong pun bagi orang yang berlaku zalim.”¹⁵¹

Ibn Qayyim juga menjelaskan bahawa perbuatan tersebut adalah termasuk dalam syirik besar. Ia adalah merupakan suatu dosa yang tidak akan diampunkan oleh Allah s.w.t melainkan setelah bertaubat kepadaNya.¹⁵² Ini adalah selaras dengan firman Allah berikut,

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرِكَ بِهِ، وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ

“Terjemahan: Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekuatkan-Nya (dengan sesuatu apa jua), dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan Syariat-Nya).”¹⁵³

¹⁵⁰ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Kitab al-Šolat*, Medinah al-Munawwarah: Muassasah Makkah Li al-Taba'ah wa al-'Ilam, t.t., hal. 32.

¹⁵¹ al-Qur'an, *Surah al-Maidah*, 5: 72.

¹⁵² Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Madarīj al-Salikin baina Mañazil Iyyaka Na'budu wa Iyyaka Nasata'in*, Qaherah: Dar al-Hadith, Juz. 1, hal. 368.

¹⁵³ al-Qur'an, *Surah al-Nisaa'*, 4:48.

Seterusnya Ibn Qayyim menyatakan, dosa syirik adalah sebesar-besar dosa terhadap Allah s.w.t kerana ianya bertentangan dengan tujuan Allah menciptakan makhluk. Perbuatan syirik juga menyebabkan Allah mengharamkan seseorang itu memasuki syurga. Darah dan hartanya dihalalkan kepada orang-orang. Allah s.w.t juga enggan menerima segala amal perbuatan orang-orang yang syirik. Di akhirat kelak Allah tidak akan memberikan syafa'at, tidak menerima do'a serta tidak menerima persahabatan mereka.¹⁵⁴

Dari perbincangan di atas juga, penulis menyimpulkan bahawa Ibn Qayyim mempunyai pandangan yang sama dengan gurunya Ibn Taimiyyah dan juga Syeikh Muhammad 'Abd. Wahab serta 'ulama' lain bahawa perbuatan syirik besar boleh menyebabkan gugurnya keimanan seseorang muslim. Oleh sebab itu, perbuatan syirik besar dikatakan sama dengan *kufur i'tiqadi*.

Manakala perbuatan-perbuatan yang dianggap termasuk ke dalam syirik besar ialah sesuatu yang menjadi lawan kepada jenis-jenis tauhid yang dibincangkan sebelum ini.

Untuk mengelakkan daripada terjerumus ke dalam perbuatan syirik, Ibn Qayyim telah menganjurkan agar orang-orang Islam mengamalkan perkara-perkara berikut:¹⁵⁵

¹⁵⁴ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *al-Jawab al-Kafi Liman Sa'alaa 'an al-Dawa'* al-Syafi'i, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, cet. 1, 1987, hal. 151.

¹⁵⁵ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Madārij al-Sälük baina Mañazil Iyyaka Na'bdu wa Iyyaka Nasta'in*, Juz. 1, hal. 376. Lihat juga Muhammad Abd. Hadi al-Misri, *Haqiqat al-Iman 'Ind Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, Qaherah: Dar al-I'tisam al-Dauli, cet. 2, 1993, 90-91.

- i. Mentauhidkan atau mengesakan hanya kepada Allah semata-mata dan tidak kepada yang lain.
- ii. Memusuhi orang-orang musyrikin kerana Allah.
- iii. Menjadikan Allah sebagai ketua.
- iv. Menjadikan Allah sebagai Tuhan yang disembah dan memohon segala pertolongan.
- v. Kecintaan dan ketakwaan mesti ditumpukan hanya kepada Allah.
- vi. Bersifat ikhlas kerana Allah dalam melakukan segala urusan hidup.
- vii. Sentiasa mengharapkan pertolongan daripada Allah.
- viii. Sentiasa mematuhi segala titah perintah Allah.
- ix. Sentiasa memohon keredhaan Allah.
- x. Beramal ibadah hanya kerana Allah.

Oleh yang demikian, untuk mengelakkan daripada berlakunya sebarang perbuatan syirik, segala amalan mestilah dilakukan hanya kerana Allah s.w.t semata-mata dan tidak kerana faktor-faktor yang lain.